



## **PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK**

### 2. Pengurusan Projek Ladang Sosial



# PENGURUSAN PROJEK LADANG SOSIAL

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK (PPNP)

## PROJEK LADANG SOSIAL & OBJEKTIF

- Pembangunan tanah pemberian Kerajaan Negeri bagi penanaman kelapa sawit/getah/durian secara komersial.
- Terdari daripada Projek Ladang Rakyat (LR) dan Projek Ladang Untuk Rakyat (LUR).
- Menambahkan pendapatan rakyat melalui agihan keuntungan ladang dan meningkatkan pemilikan aset di kalangan rakyat serta memaksimumkan guna tanah yang tidak diusahakan.



## RUMUSAN AUDIT

Pengurusan projek LR didapati teratur dan telah mencapai objektif ditetapkan. Namun begitu, ketidakcekapan dalam pelaksanaan projek LUR menyebabkan objektif Projek Ladang Sosial secara keseluruhannya masih belum dapat dicapai. Antara kelemahan pelaksanaan projek LUR adalah seperti berikut:-

- keuntungan milik peserta/Koperasi projek LUR sejumlah RM16 juta masih belum diagihkan sepenuhnya.
- wujudnya kelonggaran syarat dalam aspek pemilihan peserta.
- kelemahan kutipan bayaran balik dan penguatkuasaan klausa perjanjian.

## PROJEK LADANG RAKYAT

Membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar

### GOLONGAN SASAR



- Ibu/bapa tunggal, OKU dan warga emas berpendapatan per kapita kurang RM400/sebulan
- Pekerja PPPNP yang bergaji hari



14,675 (111.6%)

peserta menerima bantuan bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021

3.4% - 27.7%

peningkatan peserta menerima bantuan dari tahun 2018 hingga 2021



3,715 hektar  
6 ladang kelapa sawit

## PENCAPAIAN OUTPUT & KEBERHASILAN - PROJEK LADANG RAKYAT

### AGIHAN KEUNTUNGAN

Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021

RM3.74 juta  
RM300 setahun bagi setiap peserta

## PENCAPAIAN OUTPUT & KEBERHASILAN - PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT

### PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT

Meningkatkan ekonomi dan pemilikan aset di kalangan rakyat



1,971 (98.6%)

pencapaian peserta bagi 3 ladang sehingga tahun 2022

6,145.66 hektar

10 ladang kelapa sawit  
2 ladang getah  
2 ladang durian

1

29 ekar lot tanah telah ditawarkan kepada peserta yang tidak layak - melanggar Seksyen 8, Enakmen PPPNP 1973.

2

pemilikan 75 ekar lot kepada syarikat 670370-D - 15 Pengarah dan Pemegang Saham syarikat telah sedia ada sebagai peserta.

3

RM1.08 juta caj kelewatan bayaran sewa pajakan dan tunggakan cukai tanah tidak dikutip.

4

RM9.53 juta bayaran Kos Pembangunan Asas berjumlah tidak dikutip daripada 10 Koperasi/Yayasan. Tunggakan bayaran menyebabkan anggaran caj kelewatan sejumlah RM7.2 juta.

### AGIHAN KEUNTUNGAN

Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021

RM32.63 juta  
Keuntungan\*

75.1%

RM3.93 juta  
^ Hasil sewa pajakan



RM24.52 juta  
Agihan kepada peserta/Koperasi



RM3.83 juta  
Agihan keuntungan tetap kepada Koperasi daripada hasil sewa pajakan



### Tiada sasaran peserta

bagi 11 ladang lain Kelulusan peserta/Koperasi sehingga Disember 2022:-

563

Peserta - Kakitangan kerajaan, pesara dan orang awam

30

Koperasi/Yayasan

Nota: (\*) - Bagi 9 ladang diuruskan PPPNP dan (\*) - bagi 2 ladang diuruskan syarikat luar  
Baki 2 ladang masih dalam tempoh pemajuan tanah dan 1 ladang telah ditamatkan kontrak perjanjian.



## PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK

### PENGURUSAN PROJEK LADANG SOSIAL

#### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit

- Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) ditubuhkan di bawah Enakmen PPPNP Bil. 2 Tahun 1973 (asal) sebagai agensi peneraju dalam pembangunan pertanian di negeri Perak. Seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi dan kesejahteraan rakyat, PPPNP telah melaksana program pembangunan sosial iaitu Projek Ladang Sosial.
- Projek Ladang Sosial melibatkan pembangunan tanah pemberian Kerajaan Negeri bagi penanaman kelapa sawit/getah/durian secara komersial. Projek ini bertujuan untuk menambahkan pendapatan rakyat melalui agihan keuntungan ladang dan meningkatkan pemilikan aset di kalangan rakyat.
- Projek Ladang Sosial merangkumi projek Ladang Rakyat (LR) dan Ladang Untuk Rakyat (LUR). Projek LR bertujuan membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar melalui pengagihan keuntungan ladang secara *one-off* kepada golongan sasaran. Golongan sasaran terdiri daripada ibu/bapa tunggal, orang kurang upaya (OKU), warga emas serta pekerja PPPNP yang bergaji hari.
- Projek LUR pula bertujuan untuk meningkatkan sosio ekonomi dan pemilikan aset di kalangan rakyat iaitu kakitangan kerajaan, pesara dan orang awam termasuk Koperasi/Yayasan.
- Pengauditan ini memfokuskan dua bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek meliputi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Bagaimanapun, bagi ladang yang kurang berpotensi dimajukan, pengauditan turut meliputi tahun sebelum 2019.
- Prestasi projek dinilai berdasarkan kepada dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan bilangan peserta menerima bantuan daripada projek LR dan bilangan peserta/Koperasi menyertai projek LUR.

- Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan prestasi agihan keuntungan yang diterima oleh peserta/Koperasi serta pemilikan aset (lot tanah) oleh peserta/Koperasi.
- Pengurusan projek meliputi lima perkara iaitu pemilihan peserta/koperasi, pentadbiran kontrak, pembiayaan lot tanah, pengurusan agihan keuntungan dan pengurusan ladang.

**Mengapa ia penting untuk diaudit**

- Projek Ladang Sosial melibatkan agihan keuntungan sejumlah RM32.09 juta kepada peserta/Koperasi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek Ladang Sosial telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif ditetapkan dalam membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar dan meningkatkan tahap sosio ekonomi serta pemilikan aset rakyat.

**Apa yang ditemui Audit**

- Berdasarkan skop pengauditan, pengurusan projek LR didapati teratur dan telah mencapai objektif ditetapkan iaitu membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar. Namun begitu, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek LUR yang menyebabkan objektif Projek Ladang Sosial secara keseluruhannya masih belum dapat dicapai.
- Bagi pengurusan projek LUR, keuntungan milik peserta/Koperasi sejumlah RM16 juta masih belum diagihkan sepenuhnya. Hal ini telah menjejaskan keberkesanan projek LUR. Selain itu, wujudnya kelonggaran syarat dalam aspek pemilihan peserta, kelemahan kutipan bayaran balik dan penguatkuasaan klausa perjanjian telah menjejaskan kecekapan pengurusan projek LUR.
- Kelemahan yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:
  - seluas 29 ekar lot tanah projek Ladang Usahawan Tani (LUT) dan Ladang Ayer Kala telah ditawarkan kepada peserta yang tidak layak kerana melanggar Seksyen 8, Enakmen PPPNP 1973;
  - pemilikan 75 ekar lot Ladang Usahawan Pahlawan (LUP) kepada syarikat 670370-D yang mana 15 Pengarah dan Pemegang Saham syarikat tersebut telah sedia ada sebagai peserta LUP;
  - caj kelewatan bayaran sewa pajakan sejumlah RM0.57 juta dan tunggakan cukai tanah sejumlah RM0.51 juta tidak dikutip; dan

- bayaran Kos Pembangunan Ladang Gugusan Koperasi 1 (LGK 1) berjumlah RM9.53 juta tidak dikutip daripada 10 Koperasi/ Pertubuhan. Tunggakan bayaran tersebut melibatkan anggaran caj kelewatan sejumlah RM7.19 juta.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit**

- Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang dalam projek yang akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan dan penambahbaikan seperti berikut:
  - PPPNP perlu menyediakan garis panduan projek Ladang Sosial yang jelas dan terperinci terutamanya bagi projek LUR antaranya syarat-syarat penyertaan, kaedah bayaran penyertaan, ketetapan kuota lot bagi peserta, kaedah penamatan perjanjian dan justifikasi pemilihan peserta/Koperasi bagi memastikan kecekapan dalam pelaksanaan projek;
  - PPPNP hendaklah mengambil tindakan segera penguatkuasaan kutipan bayaran balik tunggakan, caj kelewatan dan pendahuluan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi; dan
  - PPPNP perlu memastikan pematuhan terhadap klausa Enakmen dan peraturan yang berkuat kuasa.





## 2. PENGURUSAN PROJEK LADANG SOSIAL

### FAKTA UTAMA

|                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Dasar Perak Sejahtera 2030</b><br><br>Meningkatkan tahap sosio ekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri Perak                                                                                                    | <b>Projek Ladang Sosial Terbahagi Kepada:-</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Ladang Rakyat</li> <li>Projek Ladang Untuk Rakyat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
| <b>Objektif Projek Ladang Sosial</b><br><br>Menambahkan pendapatan rakyat melalui agihan keuntungan ladang dan meningkatkan pemilikan aset di kalangan rakyat serta memaksimumkan guna tanah yang tidak diusahakan | <b>Projek Ladang Rakyat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar</li> <li>Golongan sasaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu/bapa tunggal, OKU dan warga emas berpendapatan per kapita kurang RM400/sebulan</li> <li>Pekerja PPPNP yang bergaji hari</li> </ul> </li> </ul> | <b>Projek Ladang Untuk Rakyat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan sosio ekonomi dan pemilikan aset di kalangan rakyat</li> <li>Golongan sasaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>Kakitangan kerajaan</li> <li>Pesara</li> <li>Orang awam</li> <li>Koperasi/Yayasan</li> </ul> </li> </ul> |
|                                                                                                                                                                                                                    | <b>3,715 Hektar</b><br><br>Jenis tanaman: Kelapa sawit                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <b>6,145.66 Hektar</b><br><br>Jenis tanaman: Kelapa sawit/getah/durian                                                                                                                                                                                                                                               |

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) ditubuhkan di bawah Enakmen PPPNP Bil. 2 Tahun 1973 (asal) sebagai agensi peneraju dalam pembangunan pertanian di negeri Perak. Fokus utama PPPNP adalah pembukaan ladang kelapa sawit secara komersial serta projek komersial pertanian dan industri asas tani yang bernilai tinggi. Seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi dan kesejahteraan rakyat, PPPNP telah melaksana program pembangunan sosial iaitu Projek Ladang Sosial.

1.2. Projek Ladang Sosial melibatkan pembangunan tanah pemberian Kerajaan Negeri bagi penanaman kelapa sawit/getah/durian secara komersial. Projek tersebut dibangunkan sepenuhnya oleh PPPNP dengan menggunakan dana dalaman atau pinjaman bank. Pelaksanaan projek Ladang Sosial bukan sahaja memaksimumkan guna tanah yang tidak diusahakan tetapi juga memberikan pendapatan tambahan kepada

rakyat melalui agihan keuntungan ladang. Peserta yang layak akan menikmati keuntungan berdasarkan harga pasaran tanaman setiap tahun. Projek Ladang Sosial ini merangkumi projek Ladang Rakyat (LR) dan Ladang Untuk Rakyat (LUR).

1.3. Projek LR bertujuan membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar melalui pengagihan keuntungan ladang secara *one-off* kepada golongan sasaran. Golongan sasaran terdiri daripada ibu/bapa tunggal, orang kurang upaya (OKU), warga emas serta pekerja PPPNP yang bergaji hari. Projek LR telah diwujudkan sejak tahun 1991 dan asalnya hanya melibatkan empat daerah iaitu Perak Tengah, Larut Matang, Selama dan Batang Padang. Mulai tahun 2019, projek LR telah diperluaskan ke sembilan daerah yang lain supaya lebih ramai golongan sasaran mendapat manfaat projek.

1.4. Projek LUR bermula pada tahun 2001 pula bertujuan untuk meningkatkan sosio ekonomi dan pemilikan aset di kalangan rakyat iaitu kakitangan kerajaan, pesara dan orang awam termasuk koperasi/yayasan. Peserta yang terpilih akan ditawarkan pembelian lot tanah (saham) dengan harga yang bersesuaian mengikut kos premium tanah dan lain-lain kos terlibat.

1.5. PPPNP bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan LUR termasuk pembayaran balik pinjaman oleh peserta. Bagi tanaman kelapa sawit, tempoh pemaian tanah mengambil masa selama dua hingga tiga tahun manakala bagi tanaman getah pula selama tujuh tahun. Peserta akan mula menikmati keuntungan selepas tempoh tersebut. Bagi memastikan tiada tunggakan bayaran, pinjaman peserta dibayar dari hasil keuntungan jualan tanaman selepas ditolak segala kos operasi dan pengurusan ladang yang didahulukan oleh PPPNP. Butiran lanjut berkaitan projek LR dan LUR seperti dalam **Rajah 1 dan 2**.

**RAJAH 1**  
**RINGKASAN KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK LADANG RAKYAT (LR)**

|                                                                                                         |                                                                                                                                               |                               |                                                                                             |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>OBJEKTIF</b>                                                                                         | Membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar                                                                              | <b>KELUASAN TANAH PESERTA</b> | Tiada  |
| <b>*Ibu/bapatunggal, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan pekerja PPPNP yang bergaji</b>            | <b>GOLONGAN SASAR</b>                                                                                                                         | <b>PEMBIAYAAN</b>             | Tiada  |
| <b>PEMILIKAN TANAH</b>                                                                                  | PPNP                                                       | <b>KOS PAJAKAN TANAH</b>      | Tiada  |
| <b>Kelapa Sawit </b> | <b>JENIS TANAMAN</b>                                                                                                                          | <b>PENGURUSAN LADANG</b>      | PPNP   |
| <b>PEMILIHAN PESERTA</b>                                                                                | Saringan nama oleh Jawatankuasa Pejabat Daerah dan Tanah, Penghulu dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Kelulusan akhir oleh PPPNP. | <b>AGIHAN KEUNTUNGAN</b>      | Kadar agihan akan ditetapkan oleh PPPNP setiap tahun                                        |
| <b>Tiada </b>        | <b>PEMILIKAN ASET PESERTA</b>                                                                                                                 | <b>WARISAN</b>                | Tidak diwarisi oleh keluarga                                                                |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak  
Nota: (\*) – Berpendapatan kapita kurang daripada RM400/sebulan

## RAJAH 2 RINGKASAN KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT (LUR)



Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

1.6. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022, sebanyak enam ladang diusahakan bagi projek LR manakala sebanyak 14 ladang diusahakan bagi projek LUR. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1  
PROJEK LADANG SOSIAL**

| BIL.                             | LADANG                         | LOKASI          | KATEGORI                                                     | KELUASAN*<br>(Hektar) | JENIS<br>TANAMAN |
|----------------------------------|--------------------------------|-----------------|--------------------------------------------------------------|-----------------------|------------------|
| PROJEK LADANG RAKYAT (LR)        |                                |                 |                                                              |                       |                  |
| 1.                               | Ayer Kuning                    | Kg. Gajah       | Orang awam &<br>pekerja PPPNP<br>bergaji hari                | 625.00                | Kelapa sawit     |
| 2.                               | Ayer Kala                      | Gerik           |                                                              | 350.00                |                  |
| 3.                               | Bukit Tunggal                  | Kg. Gajah       |                                                              | 302.00                |                  |
| 4.                               | Lambor                         | Perak Tengah    |                                                              | 1,014.00              |                  |
| 5.                               | Segar                          | Selama          |                                                              | 734.00                |                  |
| 6.                               | Tualang Tumbuh                 | Pulau Tiga      |                                                              | 690.00                |                  |
| JUMLAH                           |                                |                 |                                                              | 3,715.00              |                  |
| PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT (LUR) |                                |                 |                                                              |                       |                  |
| 1.                               | Ayer Kuning (LURAK)            | Kg. Gajah       | Orang awam                                                   | 1,113.90              | Kelapa sawit     |
| 2.                               | Hilir Perak (LURHP)            | Durian Sebatang |                                                              | 851.10                |                  |
| 3.                               | Pahlawan (LPAK)                | Ayer Kuning     | Pesara tentera/polis<br>berpangkat Koperai                   | 511.20                | Kelapa sawit     |
| 4.                               | Usahawan Pahlawan (LUP)        | Pulau Tiga      | Pesara tentera/ polis<br>berpangkat Mejar/Kapten             | 161.90                | Kelapa sawit     |
| 5.                               | Usahawan Tani (LUT)            | Tanjung Tualang | Individu/Pegawai kerajaan<br>yang berjasa kepada negeri      | 353.94                | Kelapa sawit     |
| 6.                               | Jaya Setia                     | Sg. Siput       | Orang awam<br>(bekas peneroka)                               | 841.00                | Getah            |
| 7.                               | Belukar Semang                 | Hulu Perak      |                                                              | 449.45                |                  |
| 8.                               | Kledang Saiong Bekor<br>(LKSB) | Senggang        |                                                              | 676.44                | Kelapa sawit     |
| 9.                               | Tualang Tumbuh (LTT)           | Pulau Tiga      | Pegawai/kakitangan<br>PPPNP & kuota Jasa Bakti<br>(individu) | 292.98                | Kelapa sawit     |
| 10.                              | Kledang Saiong (LKS)           | Kuala Kangsar   |                                                              | 24.28                 | Durian           |
| 11.                              | Ayer Kala                      | Lenggong        |                                                              | 121.41                |                  |

| BIL.   | LADANG                      | LOKASI    | KATEGORI             | KELUASAN*<br>(Hektar) | JENIS<br>TANAMAN |
|--------|-----------------------------|-----------|----------------------|-----------------------|------------------|
| 12.    | Balun Bidai (LGK 1)         | Kg. Gajah | Koperasi/<br>Yayasan | 499.17                | Kelapa sawit     |
| 13.    | Beruas (LGK 2)              | Beruas    |                      | 167.95                |                  |
| 14.    | Bukit Tunggai (LBT Harapan) | Kg. Gajah |                      | 80.94                 |                  |
| JUMLAH |                             |           |                      | 6,145.66              |                  |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: (\*) – Keluasan projek LR berdasarkan akaun ladang pada tahun 2021 manakala keluasan projek LUR berdasarkan Kertas Konsep Ladang

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek Ladang Sosial telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan dalam membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar dan meningkatkan tahap sosio ekonomi serta pemilikan aset rakyat.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan kepada dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan projek pula meliputi lima perkara iaitu pemilihan peserta/Koperasi, pentadbiran kontrak, pembiayaan lot tanah, pengurusan agihan keuntungan dan pengurusan ladang.

3.2. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat, PPPNP dan melibatkan Unit Khidmat Sosial, Unit Perladangan dan Unit Kewangan. Skop pengauditan melibatkan tempoh tahun 2019 hingga 2022. Bagaimanapun, bagi ladang kurang berpotensi dimajukan, pengauditan turut meliputi tahun sebelum 2019.

3.3. Bagi menilai aspek pengurusan projek, sebanyak tiga ladang bagi projek LR dan 10 ladang bagi projek LUR telah dipilih sebagai sampel untuk tanaman kelapa sawit. Bagi tanaman getah, hanya satu ladang dipilih sebagai sampel iaitu ladang Jaya Setia kerana peserta di ladang Belukang Semang telah ditamatkan perjanjian. Tiada sampel bagi tanaman durian kerana kedua-dua ladang masih dalam tempoh pemajuan tanah. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan prestasi agihan keuntungan ladang.

3.4. Dalam melaksanakan pengauditan, limitasi Audit adalah untuk mendapatkan dokumen ladang Jaya Setia dan maklumat berkenaan perancangan lanjut bagi ladang tersebut. Selain itu, pihak Audit juga mendapat kekangan bagi melaksanakan lawatan fizikal ke ladang tersebut.

## 4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data berkaitan pembangunan ladang. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga turut diadakan untuk pengesahan lanjut.

## 5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2022. Perkara yang ditemui telah di bincang dalam Mesyuarat Penutup yang telah diadakan pada 10 April 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:


### 5.1. Prestasi Projek

#### 5.1.1. Pencapaian Output dan Keberhasilan Projek Ladang Rakyat

##### 5.1.1.1. Pencapaian Output - Bilangan Peserta Menerima Bantuan

- a. Berdasarkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2019, penambahan sembilan daerah dan kuota peserta bantuan telah diluluskan. Sebanyak 3,600 borang telah diedarkan kepada 12 daerah yang terlibat menerusi Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Pemilihan di buat oleh Jawatankuasa Tanah dan Daerah bagi kuota orang awam manakala senarai nama kuota pekerja harian PPPNP oleh Pengurus Ladang.
- b. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, bilangan peserta menerima bantuan yang disasarkan adalah sebanyak 13,150 orang. Penetapan ini berdasarkan **sasaran tahunan iaitu 2,350 (tahun 2018) dan ditingkatkan kepada 3,600 peserta mulai tahun 2019 hingga 2021** supaya lebih ramai golongan sasar dapat dibantu. Semakan Audit mendapati sebanyak 14,675 (111.6%) peserta telah diluluskan untuk menerima bantuan bagi tempoh tersebut berbanding sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 3**.

**RAJAH 3**  
**BILANGAN PESERTA MENERIMA BANTUAN PROJEK LADANG RAKYAT**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2021**



Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

- c. Analisis Audit mendapati bilangan sebenar **peserta menerima bantuan meningkat melebihi sasaran mulai tahun 2019 sehingga 2021 iaitu** antara **3.4% hingga 27.7%**. Pihak Audit mendapati peningkatan ketara pada tahun 2020 dan 2021 adalah disebabkan tambahan kuota dari golongan asnaf dan kuota khas kumpulan HO. Asas pemilihan peserta menerima bantuan juga didapati mengikut kriteria ditetapkan iaitu berpendapatan per kapita kurang dari RM400 sebulan.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian output projek LR adalah cekap kerana peserta penerima bantuan melebihi sasaran yang ditetapkan.**

#### 5.1.1.2 Pencapaian Keberhasilan Projek Ladang Rakyat

- a. Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak PPPNP/CDR/P1 menetapkan amaun yang diterima oleh peserta bantuan akan diputuskan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Pengerusi PPPNP iaitu Menteri Besar Perak. Keuntungan yang diagihkan adalah berdasarkan keuntungan yang dijana oleh ladang mengikut tahun kewangan tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh **tahun 2019 hingga 2021, sejumlah RM3.74 juta keuntungan ladang telah diagihkan kepada 12,443 peserta**. Analisis Audit mendapati pengagihan tersebut adalah 8.7% daripada RM43.01 juta jumlah keuntungan keseluruhan dari

enam ladang projek LR bagi tempoh tiga tahun. Walaupun keuntungan ladang meningkat dalam tempoh tersebut, namun **peratus agihan keuntungan kepada peserta menerima bantuan menurun dari tahun ke tahun iaitu 32.9% (2019) ke 4.7% (2021)**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**AGIHAN KEUNTUNGAN LADANG RAKYAT**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| TAHUN         | JUMLAH KEUNTUNGAN ENAM LADANG RAKYAT* (RM Juta) (a) | BIL. PENERIMA (b) | KADAR AGIHAN (RM) (c) | JUMLAH AGIHAN (RM Juta) (d) = (b)x(c) | PERATUS AGIHAN KEUNTUNGAN DARI LADANG (e) = (d)/(a)x100 |
|---------------|-----------------------------------------------------|-------------------|-----------------------|---------------------------------------|---------------------------------------------------------|
| 2019          | 3.40                                                | 3,724             | 300                   | 1.12                                  | 32.9                                                    |
| 2020          | 10.13                                               | 4,121             | 300                   | 1.24                                  | 12.2                                                    |
| 2021          | 29.48                                               | 4,598             | 300                   | 1.38                                  | 4.7                                                     |
| <b>JUMLAH</b> | <b>43.01</b>                                        | <b>12,443</b>     |                       | <b>3.74</b>                           | <b>8.7</b>                                              |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: (\*) – Keuntungan semasa berdasarkan Penyata Kewangan Ladang tahun 2019 hingga 2021

- c. Keuntungan ladang meningkat berikutan harga pasaran minyak sawit mentah yang melonjak pada tahun 2020 dan 2021. Bagaimanapun, penetapan kuantum agihan keuntungan kepada peserta menerima bantuan adalah dalam lingkungan RM1 juta hingga RM1.5 juta setahun. Kadar agihan setiap peserta menerima bantuan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah sejumlah RM300. Kadar agihan juga akan dikurangkan sekiranya terdapat tambahan kuota peserta menerima bantuan.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

Kadar yang diberi kepada penerima LR tidak berdasarkan turun naik harga pasaran minyak sawit mentah atau keuntungan ladang sahaja. Agihan ini bergantung kepada jumlah penerima dan kelulusan pada tahun tersebut. PPPNP turut berkongsi hasil keuntungan projek LR bagi aktiviti sosial korporat yang lain seperti memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri, bantuan Covid-19 dan sumbangan yang lain. Rekod sumbangan PPPNP bagi tahun 2020 hingga 2022 berjumlah RM77.4 juta.

**Pendapat Audit** | **Agihan keuntungan projek LR telah dilaksanakan dengan berkesan dan memberi manfaat kepada golongan sasaran.**

## 5.1.2. Pencapaian Output dan Keberhasilan Projek Ladang Untuk Rakyat

### 5.1.2.1 Pencapaian Output - Bilangan Peserta/Koperasi

- a. Berdasarkan kertas maklumat LURAK, LURHP dan LPAK no.rujukan bil. (18) dalam PPPNP 15-1-6 (S) dan no.rujukan bil. (9) dalam PPPNP 15-1-4 (S) menetapkan sasaran 2,000 peserta berdasarkan kuota agihan lot.
- b. Semakan Audit mendapati hanya **tiga daripada 14 ladang** mempunyai sasaran bilangan peserta iaitu di LURAK, LURHP dan LPAK. Pihak Audit mendapati **sebanyak 1,971 (98.6%) peserta telah diagihkan lot tanah berbanding sasaran peserta yang ditetapkan**. Permohonan lot tanah tersebut telah dibuka kepada peserta yang terdiri daripada orang awam dan pesara tentera/polis berpangkat Koperal. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**BILANGAN PESERTA TIGA PROJEK LUR SEHINGGA TAHUN 2022**

| BIL.   | LADANG | KATEGORI                                | BILANGAN PESERTA |         |             |
|--------|--------|-----------------------------------------|------------------|---------|-------------|
|        |        |                                         | SASARAN          | SEBENAR | PERATUS (%) |
| 1.     | LURAK  | Orang awam                              | 900              | 898     | 99.8        |
| 2.     | LURHP  |                                         | 700              | 674     | 96.3        |
| 3.     | LPAK   | Pesara tentera/polis berpangkat Koperal | 400              | 399     | 99.8        |
| JUMLAH |        |                                         | 2,000            | 1,971   | 98.6        |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap **baki 11 ladang mendapati PPPNP tidak menetapkan sasaran bilangan peserta/Koperasi secara khusus bagi setiap ladang**. Ini disebabkan tiada pemakluman tawaran lot kepada peserta/Koperasi untuk menyertai projek LUR. Penyertaan adalah berdasarkan permohonan terus individu/Koperasi kepada PPPNP dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan PPPNP.
- d. Sehingga bulan September 2022, sebanyak 563 peserta telah diluluskan bagi 11 ladang tersebut terdiri daripada orang awam dan pesara/kakitangan kerajaan termasuk 30 Koperasi/Yayasan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.



**JADUAL 4**  
**BILANGAN PESERTA/KOPERASI BAGI 11 LADANG UNTUK RAKYAT**

| BILANGAN PESERTA/KOPERASI DASAR 11 LADANG UNTUK KARTAT |                |                                                        | BILANGAN |          |
|--------------------------------------------------------|----------------|--------------------------------------------------------|----------|----------|
| BIL.                                                   | LADANG         | KATEGORI                                               | PESERTA  | KOPERASI |
| 1.                                                     | LUP            | Pesara tentera/polis berpangkat Mejar/Kapten           | 15       | 1        |
| 2.                                                     | LUT            | Individu/Pegawai kerajaan yang berjasa kepada negeri   | 52       | TB       |
| 3.                                                     | Jaya Setia     | Orang awam (bekas peneroka)                            | 33       | TB       |
| 4.                                                     | Belukar Semang |                                                        | 24       | TB       |
| 5.                                                     | LKSB           |                                                        | 65       | TB       |
| 6.                                                     | LTT            | Pegawai/kakitangan PPPNP & kuota Jasa Bakti (individu) | 284      | TB       |
| 7.                                                     | LKS            |                                                        | 0        | 0        |
| 8.                                                     | Ayer Kala      |                                                        | 45       | TB       |
| 9.                                                     | LGK 1          | Koperasi/Yayasan                                       | 45       | 11       |
| 10.                                                    | LGK 2          |                                                        | TB       | 5        |
| 11.                                                    | LBT Harapan    |                                                        | TB       | 13       |
| JUMLAH                                                 |                |                                                        | 563      | 30       |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: TB – Tidak Berkenaan

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023**

PPNP bersetuju hanya tiga ladang sahaja mempunyai sasaran ditetapkan. Sebelas ladang lain adalah ladang baru dibuka dan golongan sasar telah ditetapkan oleh Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) PPPNP dengan mengasingkan LUR mengikut kategori. Secara umumnya, sasaran peserta dikira berdasarkan peruntukan keluasan LUR bagi sesebuah ladang bersamaan 90% daripada keseluruhan ladang. Manakala 10% daripada kawasan ladang tidak dibangunkan dan dijadikan sebagai penimbal sekiranya buah tandan segar (BTS) jatuh di bawah kos operasi bagi sesuatu tempoh masa.

**Pendapat Audit** | **Ketiadaan penetapan sasaran secara khusus bagi projek LUR menyebabkan pengukuran pencapaian output bilangan peserta/Koperasi tidak dapat dinilai.**

#### **5.1.2.2 Pencapaian Keberhasilan Projek Ladang Untuk Rakyat**

Projek LUR bertujuan untuk meningkatkan sosio ekonomi dan pemilikan aset di kalangan rakyat sama ada kakitangan kerajaan, pesara dan orang awam termasuk Koperasi/Yayasan. Pihak Audit hanya menilai 11 daripada 14 ladang kerana dua ladang iaitu ladang Ayer Kala dan Kledang Saiong bagi tanaman durian masih

dalam tempoh pemajuan tanah. Ladang Belukar Semang pula telah ditamatkan pada tahun 2021 dan tiada agihan atau pendahuluan keuntungan diberikan.

#### a. Prestasi Agihan Keuntungan Ladang kepada Peserta/Koperasi

- i. Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah PPPNP Bil.14/2001 menetapkan setiap peserta akan menerima agihan keuntungan setelah ditolak kos penyelenggaraan, caj pengurusan dan bayaran balik pinjaman.
- ii. Semakan Audit mendapati agihan keuntungan kepada peserta/Koperasi bagi sembilan daripada 11 projek LUR tidak mengikut keuntungan sebenar ladang (setelah tolakan/potongan kos-kos sepatutnya) yang dicapai pada sesuatu tahun. Bagi tempoh **tahun 2019 hingga 2021, sejumlah RM24.52 juta (75.1%) diagihkan berbanding RM32.63 juta keuntungan** ladang yang dicapai. Ini disebabkan kuantum agihan berdasarkan keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) setiap tahun.
- iii. Pihak Audit mendapati sehingga 31 Disember 2021, **sejumlah RM16 juta lebih baki keuntungan sebenar ladang telah ditahan oleh PPPNP** bagi tujuan tanaman semula pokok atau menampung agihan tahun berikutnya sekiranya ladang mengalami kerugian.
- iv. Analisis Audit mendapati peratus keuntungan yang diagihkan adalah antara 23.1% hingga 481% pada tahun 2019, 30% hingga 83.8% pada tahun 2020 dan 22.2% hingga 75.9% pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**AGIHAN KEUNTUNGAN**  
**SEMBILAN PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| BIL. | LADANG | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>TERKUMPUL<br>(RM Juta) | TAHUN 2019 (RM Juta)               |               |                                | TAHUN 2020 (RM Juta)               |               |                                | TAHUN 2021 (RM Juta)               |               |                                | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>TERKUMPUL<br>SEHINGGA<br>2021<br>(RM Juta) |
|------|--------|---------------------------------------------|------------------------------------|---------------|--------------------------------|------------------------------------|---------------|--------------------------------|------------------------------------|---------------|--------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
|      |        |                                             | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>BERSIH<br>(a) | AGIHAN<br>(b) | PERATUS<br>(c)=(b)/<br>(a)x100 | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>BERSIH<br>(a) | AGIHAN<br>(b) | PERATUS<br>(c)=(b)/<br>(a)x100 | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>BERSIH<br>(a) | AGIHAN<br>(b) | PERATUS<br>(c)=(b)/<br>(a)x100 |                                                                 |
| 1.   | LURAK  | 1.38                                        | 0.21                               | 1.01          | 481.0                          | 2.95                               | 2.02          | 68.5                           | 5.81                               | 4.41          | 75.9                           | 2.91                                                            |
| 2.   | LURHP  | 3.40                                        | 1.48                               | 1.56          | 105.4                          | 3.02                               | 1.86          | 61.6                           | 5.46                               | 3.42          | 62.6                           | 6.51                                                            |
| 3.   | LPAK   | 3.80                                        | 0.85                               | 0.77          | 90.6                           | 1.37                               | 0.92          | 67.2                           | 3.03                               | 1.98          | 65.3                           | 5.38                                                            |
| 4.   | LUP    | 0.07                                        | 0.31                               | 0.32          | 103.2                          | 0.55                               | 0.42          | 76.4                           | 1.43                               | 0.98          | 68.5                           | 0.64                                                            |
| 5.   | LUT    | 0.11                                        | 0.27                               | 0.43          | 159.3                          | 1.05                               | 0.88          | 83.8                           | 3.83                               | 2.02          | 52.7                           | 1.93                                                            |

| BIL.                                                         | LADANG         | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>TERKUMPUL<br>(RM Juta) | TAHUN 2019 (RM Juta)               |               |                                | TAHUN 2020 (RM Juta)               |               |                                | TAHUN 2021 (RM Juta)               |               |                                | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>TERKUMPUL<br>SEHINGGA<br>2021<br>(RM Juta) |
|--------------------------------------------------------------|----------------|---------------------------------------------|------------------------------------|---------------|--------------------------------|------------------------------------|---------------|--------------------------------|------------------------------------|---------------|--------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
|                                                              |                |                                             | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>BERSIH<br>(a) | AGIHAN<br>(b) | PERATUS<br>(c)=(b)/<br>(a)x100 | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>BERSIH<br>(a) | AGIHAN<br>(b) | PERATUS<br>(c)=(b)/<br>(a)x100 | UNTUNG/<br>(RUGI)<br>BERSIH<br>(a) | AGIHAN<br>(b) | PERATUS<br>(c)=(b)/<br>(a)x100 |                                                                 |
| 6.                                                           | Jaya Setia     | TM                                          | (1.10)                             | TB            | TB                             | (0.80)                             | TB            | TB                             | (0.86)                             | TB            | TB                             | (2.76)                                                          |
| 7.                                                           | LKSB           | (0.86)                                      | (0.13)                             | 0.03          | 23.1                           | (0.06)                             | 0.03          | 50.0                           | 0.27                               | 0.06          | 22.2                           | (0.90)                                                          |
| 8.                                                           | LTT            | TB                                          | TB                                 | TB            | TB                             | TB                                 | TB            | TB                             | 3.31                               | 1.24          | 37.5                           | 2.07                                                            |
| 9.                                                           | LBT<br>Harapan | TB                                          | TB                                 | TB            | TB                             | 0.10                               | 0.03          | 30.0                           | 0.28                               | 0.13          | 46.4                           | 0.22                                                            |
| <b>JUMLAH</b>                                                |                | <b>7.9</b>                                  | <b>1.89</b>                        | <b>4.12</b>   | <b>218.0</b>                   | <b>8.18</b>                        | <b>6.16</b>   | <b>75.3</b>                    | <b>22.56</b>                       | <b>14.24</b>  | <b>63.1</b>                    | <b>16.00</b>                                                    |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021</b> |                |                                             |                                    |               |                                |                                    |               |                                | <b>32.63</b>                       | <b>24.52</b>  | <b>75.1</b>                    |                                                                 |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota:- TM – Tiada Maklumat dan TB – Tidak Berkenaan

v. Analisis Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- PPPNP telah memberikan **agihan keuntungan melebihi keuntungan sebenar ladang bagi empat ladang** iaitu LURAK, LURHP, LUT dan LUP pada tahun 2019. Bagaimanapun, **agihan tersebut telah menggunakan keuntungan terkumpul ladang pada tahun sebelumnya.** Agihan keuntungan yang tinggi kepada peserta LUT pada tahun 2019 memberi kesan kepada baki terkumpul ladang menjadi defisit pada akhir tahun tersebut. Pihak Audit mendapati untung terkumpul bagi lima ladang telah meningkat pada tahun 2021 berbanding tahun 2019 berikutan peningkatan keuntungan ladang serta kadar agihan yang lebih rendah pada tahun 2020 dan 2021.
- Bagi ladang LTT dan LBT Harapan, agihan keuntungan mula diberikan kepada peserta pada tahun 2020 dan 2021 kerana tawaran lot baru dibuka kepada peserta/Koperasi pada tahun 2020 dan 2021. Peserta telah menikmati agihan keuntungan lebih awal kerana pokok sawit telah ditanam sejak tahun 2013 dan 2005.
- Bagi ladang LKSB didapati pendahuluan keuntungan berjumlah RM0.06 juta telah diberikan pada tahun 2019 dan 2020. Ladang tersebut telah mengalami kerugian sejak mula beroperasi pada tahun 2013. Kerugian berlaku disebabkan buah tandan segar (BTS) yang dihasilkan rendah dan faktor muka bumi ladang yang berbukit juga menyebabkan kos operasi ladang tinggi. Ladang tersebut hanya mula menghasilkan keuntungan pada tahun 2021 berikutan peningkatan

harga pasaran minyak sawit mentah. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah kerugian terkumpul oleh peserta adalah sejumlah RM0.9 juta.

- Bagi ladang Jaya Setia, peserta sepatutnya menerima agihan keuntungan pada tahun 2020 iaitu selepas tujuh tahun tempoh pemajuan. Bagaimanapun, tanaman getah yang diusahakan masih belum memberikan hasil pulangan memandangkan harga pasaran komoditi getah yang rendah dan tidak stabil. Oleh itu, peserta masih belum menikmati apa-apa keuntungan atau pendahuluan keuntungan daripada PPPNP.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023**

Agihan keuntungan LUR kepada peserta/Koperasi adalah bergantung kepada keuntungan sebenar ladang pada setiap tahun. PPPNP tidak mengagihkan semua keuntungan kepada peserta disebabkan sebahagian daripada keuntungan tersebut akan diperuntukkan dalam "reserve" iaitu dividen terkumpul bagi kegunaan penanaman semula, kos input pertanian yang seringkali berubah-ubah mengikut harga pasaran semasa dan menampung pembayaran dividen yang rendah sekiranya berlaku kejatuhan harga sawit. Pendahuluan juga akan diberi kepada peserta mengikut beberapa keadaan sekiranya LUR tersebut tidak memperoleh keuntungan disebabkan harga sawit turun, hasil sawit berkurangan dan kurangnya tenaga kerja mahir. Jumlah keuntungan yang dibayar juga akan dibawa kepada YAB Pengerusi PPPNP bagi mendapatkan kelulusan.

- vi. Semakan Audit terhadap dua baki ladang iaitu **LGK 1 dan LGK 2** pula mendapati **kuantum agihan keuntungan kepada peserta/Koperasi adalah konsisten setiap tahun iaitu berjumlah RM1.10 juta dan RM175,000 masing-masingnya.** Ini disebabkan kedua-dua ladang telah diuruskan oleh syarikat ketiga (pihak luar) iaitu mulai tahun 2013 bagi LGK 1 dan tahun 2020 bagi LGK 2. Kuantum agihan keuntungan ini adalah berdasarkan hasil sewa pajakan ladang yang diterima oleh PPPNP. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6** dan **Jadual 7** serta perenggan selanjutnya.

**JADUAL 6**  
**AGIHAN KEUNTUNGAN LGK 1 BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| BIL.                                        | LADANG     | TAHUN 2019                   |                             |    | TAHUN 2020                   |                             |    | TAHUN 2021                   |                             |    |
|---------------------------------------------|------------|------------------------------|-----------------------------|----|------------------------------|-----------------------------|----|------------------------------|-----------------------------|----|
|                                             |            | HASIL SEWA PAJAKAN (RM Juta) | AGIHAN KEUNTUNGAN (RM Juta) | %  | HASIL SEWA PAJAKAN (RM Juta) | AGIHAN KEUNTUNGAN (RM Juta) | %  | HASIL SEWA PAJAKAN (RM Juta) | AGIHAN KEUNTUNGAN (RM Juta) | %  |
| LGK 1- BALUN BIDAI DAN BALUN BIDAI TAMBAHAN |            |                              |                             |    |                              |                             |    |                              |                             |    |
| a.                                          | Koperasi   | 1.25                         | 1.05                        | 88 | 1.25                         | 1.05                        | 88 | 1.25                         | 1.05                        | 88 |
| b.                                          | Kumpulan U |                              | 0.05                        |    |                              | 0.05                        |    |                              | 0.05                        |    |
| JUMLAH                                      |            | 1.25                         | 1.10                        |    | 1.25                         | 1.10                        |    | 1.25                         | 1.10                        |    |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

**JADUAL 7**  
**AGIHAN KEUNTUNGAN LGK 2 BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| BIL.          | LADANG            | TAHUN 2019              |                        |    | TAHUN 2020              |                        |    | TAHUN 2021              |                        |      |
|---------------|-------------------|-------------------------|------------------------|----|-------------------------|------------------------|----|-------------------------|------------------------|------|
|               |                   | HASIL SEWA PAJAKAN (RM) | AGIHAN KEUNTUNGAN (RM) | %  | HASIL SEWA PAJAKAN (RM) | AGIHAN KEUNTUNGAN (RM) | %  | HASIL SEWA PAJAKAN (RM) | AGIHAN KEUNTUNGAN (RM) | %    |
| LGK 2- BERUAS |                   |                         |                        |    |                         |                        |    |                         |                        |      |
| a.            | Koperasi/ Yayasan | TB                      | 175,000                | TB | TB                      | 175,000                | TB | 175,130                 | 175,000                | 99.9 |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- Ladang Gugusan Koperasi 1 (LGK 1)**

- Semakan Audit mendapati Jaminan Keuntungan Minima (JKM) telah diwujudkan dan peserta/Koperasi tidak lagi bergantung kepada keuntungan ladang dari harga pasaran tanaman sawit. **PPNP komited menanggung bayaran JKM sejumlah RM1.10 juta setiap tahun kepada 11 Koperasi dan 45 peserta (Kumpulan U) bagi tempoh 30 tahun** melalui Perjanjian Tambahan yang dimeterai pada tahun 2013 dan 2020.
- JKM merupakan kaedah penyelesaian yang bersifat *win-win situation* kepada PPPNP dan peserta/Koperasi yang diluluskan dalam Minit Mesyuarat ALP Bil. 3 Tahun 2012 bertarikh 3 Disember 2012. Ini disebabkan PPPNP telah mengeluarkan modal yang tinggi dalam membaik pulih LGK 1 dan dianggarkan LGK 1 akan mengalami kerugian dalam tempoh masa yang lama. Sehubungan itu, LGK 1 telah dipajak kepada pihak luar dan PPPNP hanya selaku tuan tanah menerima hasil sewa pajakan setiap tahun.

- Analisis Audit mendapati PPPNP menikmati keuntungan bersih sejumlah RM0.15 juta iaitu 12% setahun selepas menolak JKM tersebut. Bagaimanapun, bayaran sewa pajakan yang tidak konsisten menyebabkan PPPNP terpaksa menggunakan dana dalaman sebagai pendahuluan bayaran JKM.

- **Ladang Gugusan Koperasi 2 (LGK 2)**

- Semakan Audit mendapati **lima Koperasi menerima pendahuluan keuntungan sejumlah RM35,000 setahun mulai tahun 2014 meskipun memiliki keluasan lot yang berbeza.** Kuantum pendahuluan keuntungan tersebut telah diputuskan oleh ALP dalam Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP Bil.1 Tahun 2014 dan Kertas Mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP Bil.2 Tahun 2014 bertarikh 21 April 2014. Oleh itu, setiap tahun PPPNP memperuntukkan sejumlah RM175,000 untuk dibayar kepada lima Koperasi tersebut.
- Ini disebabkan pengurusan LGK 2 telah dilaksanakan oleh syarikat luar dengan hasil sewa pajakan sejumlah RM175,130.40 setahun. PPPNP hanya menikmati 0.1% keuntungan daripada hasil sewa tersebut dan selebihnya untuk bayaran pendahuluan keuntungan kepada Koperasi.

- vii. Pihak Audit mendapati PPPNP telah menyewa pajak LGK 1 dan LGK 2 kepada pihak ketiga supaya semua Koperasi dapat menikmati keuntungan yang tetap setiap tahun. Namun, **tindakan tersebut didapati tidak selari dengan konsep sebenar projek LUR** iaitu agihan keuntungan/kerugian kepada peserta adalah berdasarkan harga pasaran tanaman. **Penyertaan peserta/Koperasi di LGK 1 dan LGK 2 didapati dijamin tiada risiko kerugian sepanjang tempoh perjanjian berbanding peserta LUR yang lain.**
- viii. Keadaan ini menimbulkan pertikaian di kalangan peserta LUR lain sepertimana Koperasi di LGK 2 mempertikaikan kuantum JKM yang diterima oleh peserta/Koperasi LGK 1. Ini kerana kedua-dua LGK telah membayar harga pajakan lot pada kadar yang sama iaitu RM250,000 atau RM500,000 bagi pemilikan 50 ekar atau 100 ekar masing-masingnya. Namun, Koperasi LGK 2 menerima agihan keuntungan yang lebih rendah berbanding LGK 1.

## Maklum Balas PPPNP pada 25 September 2023

LGK 1 dan LGK 2 merupakan kawasan bermasalah yang mana LGK 1 adalah kawasan banjir dan LGK 2 pula kawasan berbukit yang menyebabkan PPPNP mengalami kerugian sepanjang menguruskan kedua-dua ladang tersebut. Dengan memberikan sewa pajak kepada pihak ketiga, peserta akan menerima pulangan tetap dan terjamin berdasarkan perjanjian.

**Pendapat Audit** | **Kegagalan PPPNP mengagihkan keuntungan sebenar ladang milik peserta/Koperasi setelah tolakan/potongan kos-kos sepatutnya pada setiap tahun telah menjejaskan pencapaian keberhasilan projek LUR. Selain itu, pengurusan secara sewa pajak memberikan agihan keuntungan LGK 1 dan LGK 2 (ladang kurang berpotensi) lebih terjamin berbanding ladang yang berpotensi dimajukan.**

### b. Pemilikan Aset (Lot Tanah) oleh Peserta/Koperasi

- i. Projek LUR juga bertujuan untuk meningkatkan pemilikan aset di kalangan rakyat. Berdasarkan Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah PPPNP Bil.14/ Tahun 2001, peserta diberi pajakan sehingga 60 tahun dan tiada hak milik berasingan dikeluarkan atas nama peserta sehingga pinjaman selesai. Berdasarkan Minit Mesyuarat ALP PPPNP Bil.19 Tahun 2016 pula menetapkan pengecualian pendaftaran pajakan dan pengeluaran hakmilik berasingan telah dipersetujui. Peserta hanya memiliki lot tanah secara saham mengikut keluasan lot ditawarkan.
- ii. Semakan Audit mendapati **PPPNP tidak menetapkan kaedah pengukuran yang jelas/spesifik bagi menilai pencapaian objektif tersebut.** Bagaimanapun, PPPNP mempunyai data keluasan lot yang dimiliki oleh peserta bagi setiap ladang. Oleh itu, pihak Audit telah menilai jumlah keluasan lot ditawarkan kepada peserta berbanding keluasan ladang yang dibuka bagi mengukur pemilikan aset (lot tanah) oleh peserta.
- iii. Analisis Audit mendapati sehingga bulan September 2022, keluasan ladang **pemilikan peserta adalah 8,303.24 ekar (55.1%) berbanding 15,062.25 ekar keluasan LUR yang dibuka** pada

awal projek. Projek LTT mempunyai pemilikan peserta tertinggi iaitu 98%, diikuti LUT dan LGK 2 iaitu 84.6% dan 84.3% masing-masingnya. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PEMILIKAN ASET (LOT TANAH) PESERTA/KOPERASI**  
**PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT SEHINGGA TAHUN 2022**

| BIL.          | LADANG         | KELUASAN LADANG (EKAR) |                               |                 | PERATUS PEMILIKAN PESERTA/KOPERASI (%)<br>(d) = (b)/(a)x100 |
|---------------|----------------|------------------------|-------------------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------|
|               |                | DIBUKA* (a)            | DIMILIKI PESERTA/KOPERASI (b) | KOSONG (c)      |                                                             |
| 1.            | LURAK          | 2,752.45               | 2,194.25                      | 558.20          | 79.7                                                        |
| 2.            | LURHP          | 2,103.07               | 1,717.35                      | 385.72          | 81.7                                                        |
| 3.            | LPAK           | 1,263.18               | 978.52                        | 284.66          | 77.5                                                        |
| 4.            | LUP            | 400.00                 | 302.47                        | 97.53           | 75.6                                                        |
| 5.            | LUT            | 874.33                 | 740.00                        | 134.33          | 84.6                                                        |
| 6.            | Jaya Setia     | 2,078.16               | 81.54                         | 1,996.62        | 3.9                                                         |
| 7.            | Belukar Semang | 1,110.62               | 59.31                         | 1,051.31        | 5.3                                                         |
| 8.            | LKSB           | 1,671.52               | 160.60                        | 1,510.92        | 9.6                                                         |
| 9.            | LTT            | 724.00                 | 709.20                        | 14.80           | 98.0                                                        |
| 10.           | LKS            | 60.00                  | 0                             | 60.00           | 0.0                                                         |
| 11.           | Ayer Kala      | 300.00                 | 45.00                         | 255.00          | 15.0                                                        |
| 12.           | LGK 1          | 1,109.92               | 900.00                        | 209.92          | 81.1                                                        |
| 13.           | LGK 2          | 415.00                 | 350.00                        | 65.00           | 84.3                                                        |
| 14.           | LBT Harapan    | 200.00                 | 65.00                         | 135.00          | 32.5                                                        |
| <b>JUMLAH</b> |                | <b>15,062.25</b>       | <b>8,303.24</b>               | <b>6,759.01</b> | <b>55.1</b>                                                 |

Sumber: Dokumen Perjanjian Peserta

Nota: (\*) – Keluasan mengikut Kertas Konsep Ladang

- iv. Analisis Audit selanjutnya mendapati tiga ladang mempunyai pemilikan terendah iaitu Jaya Setia, Belukar Semang dan LKSB iaitu antara 3.9% hingga 9.6%. Ini disebabkan ketiga-tiga ladang merupakan kawasan yang ditawarkan kepada peneroka haram sebagai ganti rugi. Bagi LKS pula, masih tiada pemilikan peserta kerana kawasan masih dalam proses pembersihan (site clearing) dan ianya juga telah diisytiharkan sebagai ladang kakitangan PPPNP.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

PPNP bersetuju dengan perenggan Audit. PPPNP mempunyai rekod hektar setiap ladang dan jumlah peserta bagi setiap LUR tersebut bagi mengira hasil dan kos setiap ladang dalam menentukan bayaran agihan keuntungan setiap tahun.



**Pendapat Audit** | Lot tanah projek masih berbaki 6,759.01 ekar (44.9%) dapat diperluaskan supaya manfaat dapat dinikmati oleh golongan sasaran.

## **5.2. Pengurusan Projek**

### **5.2.1. Pemilihan Peserta/Koperasi**

#### **5.2.1.1. Projek Ladang Rakyat**

- a. Berdasarkan kertas konsep projek LR, pemilihan peserta menerima bantuan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bersama-sama Penghulu dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).
- b. Semakan Audit mendapati pemilihan peserta bantuan dari kalangan orang awam dan pekerja ladang telah dilaksanakan dengan teratur. Selain itu, PPPNP telah menyediakan borang permohonan dan kategori pemohon juga telah dinyatakan dengan jelas pada borang tersebut. Borang permohonan telah dikemukakan kepada PDT seluruh Perak untuk diagihkan ke kawasan sekitar mukim yang terlibat oleh PDT. Keputusan pemilihan akhir juga didapati telah dibuat oleh Pengurusan PPPNP dengan teratur.

**Pendapat Audit** | Pemilihan peserta bagi projek LR telah dilaksanakan dengan cekat.

#### **5.2.1.2. Projek Ladang Untuk Rakyat**

##### **a. Proses Pemilihan dan Kuota Lot Peserta/Koperasi**

- i. Kertas konsep pembangunan projek LUR di cabutan Kertas Mesyuarat Lembaga PPPNP Bil.8 Tahun 2001 menetapkan kelayakan permohonan bagi Koperasi adalah terbuka kepada koperasi-koperasi di negeri Perak. Kelayakan pemohon bagi individu yang bakal menjadi peserta pula terdiri dari:
  - warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 40 tahun semasa permohonan dibuat; dan

- lahir di Perak atau telah menyumbang jasa bakti kepada negeri Perak dan menetap di Perak.
- ii. Selain itu, penjualan ladang kepada peserta adalah lot-lot kecil 4 hektar (10 ekar) setiap satu dan pemilihan peserta/Koperasi oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah PPPNP.
  - iii. Semakan Audit mendapati **tiada pemakluman tawaran kepada orang awam, pesara, kakitangan kerajaan (peserta) dan Koperasi untuk menyertai projek LUR.** Pihak Audit **tidak dapat menentukan proses sebenar pemilihan** untuk melayakkan peserta/Koperasi menyertai projek LUR. Selain itu, kelayakan Koperasi hanya berdasarkan Sijil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan profil Koperasi sahaja. PPPNP tidak mensyaratkan Koperasi mengemukakan dokumen sokongan seperti penyata kewangan yang diaudit, cabutan minit mesyuarat agung/mesyuarat lembaga atau penyata terimaan dan bayaran serta penyata bank bagi tiga bulan semasa tawaran.
  - iv. Pihak Audit dimaklumkan hanya tiga ladang iaitu LURAK, LURHP dan LPAK sahaja yang dibuka penyertaan kepada orang awam dan pesara tentera/polis berpangkat Koperal. Bagi ladang lain, penyertaan adalah berdasarkan permohonan terus individu kepada PPPNP dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan.
  - v. Semakan Audit selanjutnya mendapati **berlaku ketidakseragaman dalam pemberian kuota lot kepada peserta/Koperasi tanpa justifikasi dinyatakan.** Sebagai contoh, kuota lot peserta bagi LUT dan LUP antara 5 ekar hingga 75 ekar per peserta. Manakala bagi dua ladang iaitu LURAK dan LURHP, peserta hanya ditawarkan satu lot iaitu bersamaan 2.471 ekar sahaja. Bagi Koperasi pula, kuota lot yang ditawarkan adalah antara 50 ekar hingga 300 ekar.
  - vi. Ini disebabkan tiada garis panduan yang jelas dan terperinci bagi pemilihan peserta/Koperasi projek LUR. Akibatnya, berlakunya kelonggaran dalam meluluskan penyertaan serta pemberian kuota lot kepada peserta/Koperasi. Ini boleh menimbulkan risiko isu percanggahan kepentingan dalam pelaksanaan projek LUR.

### Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023

Pemilihan peserta/Koperasi pada ketika tawaran dibuat adalah berdasarkan Jawatankuasa Pemilihan yang telah dilantik oleh Lembaga Pengarah secara *case by case basis*. Jawatankuasa tersebut berhak membuat keputusan sama ada untuk menawarkan LUR kepada semua golongan yang dicadangkan atau hanya pada golongan yang tertentu/khas sahaja. Ahli Lembaga Pengarah PPPNP dan Jawatankuasa Pemilihan telah diberikan mandat untuk memutuskan pemilihan dan kuota lot tersebut.

**Pendapat Audit** | **Pemilihan peserta/Koperasi oleh Jawatankuasa yang tidak berpandukan garis panduan boleh menjejaskan penilaian pemilihan dan membuka ruang kepada percanggahan kepentingan berlaku.**

#### **b. Tawaran Pemilikan Lot kepada Peserta Tidak Layak – Ahli Lembaga Pengarah PPPNP**

- i. Seksyen 8, Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak 1973 (Enakmen PPPNP 1973) menetapkan tiada seorang pun ahli Perbadanan dilantik di bawah subseksyen 4(1) Enakmen boleh mempunyai apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau saudara-maranya, dari segi kewangan, atau selainnya, dalam mana-mana rancangan, projek, perusahaan atau kontrak yang dijalankan atau yang dicadangkan akan dijalankan oleh Perbadanan.
- ii. Semakan Audit mendapati **lima Ahli Lembaga Pengarah (ALP) PPPNP telah menerima tawaran pemilikan lot tanah projek LUT seluas 25 ekar** bagi tanaman kelapa sawit melalui Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah (LP) PPPNP Bil. 4 Tahun 2020 bertarikh 29 September 2020. Pihak Audit juga mendapati **dua daripada lima ALP tersebut kemudiannya turut menerima tawaran lot tanah projek Ladang Ayer Kala seluas empat ekar** bagi tanaman durian melalui Minit Mesyuarat LP Bil.1 Tahun 2021 bertarikh 30 Mac 2021. Kesemua ALP tersebut telah menerima tawaran pajakan lot tanah selama 60 tahun semasa masih dalam tempoh lantikan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tawaran sebagai peserta Ladang Ayer Kala telah diperuntukkan kepada ALP sebanyak 12 kuota dengan

keluasan 24 ekar manakala ALP anak syarikat PPPNP juga diperuntukkan sebanyak 19 kuota dengan keluasan 19 ekar. Kuota tersebut telah diluluskan dalam Memorandum 4/2021 oleh YAB Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah pada 13 Januari 2021.

- iv. Tawaran kepada ALP tersebut berlaku kerana pihak PPPNP tidak memaklumkan kepada ALP berkaitan Enakmen tersebut. Ini boleh menyebabkan wujudnya percanggahan kepentingan yang akan membawa kesan sama ada secara langsung/tidak langsung kepada organisasi PPPNP.

### **Maklum Balas PPPNP pada 25 September 2023**

Kesemua lima orang ALP telah mendapat kelulusan daripada mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar. Daripada lima orang ALP tersebut, hanya seorang sahaja yang masih bertindak sebagai ALP sehingga kini dan beliau telah menyerahkan semula pemilikan lot LUT kepada PPPNP melalui surat yang bertarikh 10 April 2023. Manakala yang lain sudah tidak lagi berkhidmat sebagai ALP PPPNP mulai 1 Disember 2022. PPPNP mengambil maklum pandangan JAN dan akan memperbaiki pada masa hadapan.

**Pendapat Audit** | **Pemberian lot kepada ALP yang mempunyai kepentingan dalam pengurusan tidak mengikut ketetapan Enakmen PPPNP 1973.**

#### **c. Pemilikan Lot Ladang Usahawan Pahlawan (LUP) oleh Peserta yang Sama**

- i. Kertas konsep LUP yang diluluskan dalam Mesyuarat LP PPPNP Bil. 3 Tahun 2002 pada 30 November 2002 menetapkan peserta mendapat lot tanah secara pajakan di kalangan pegawai tentera yang berpangkat Mejar dan ke atas. Berdasarkan klausa 5.1. Perjanjian Pajakan Tanah pada tahun 2006, peserta disyaratkan untuk menubuhkan syarikat untuk mengambil alih dan menjalankan pengurusan projek tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006, 15 peserta LUP telah diluluskan 225 ekar di mana setiap peserta memperoleh antara 10 ekar hingga 20 ekar masing-masing. Selaras dengan perjanjian, peserta tersebut akan menguruskan projek LUP melalui syarikat 670370-D yang

mana peserta juga merupakan Pengarah dan Pemegang Saham (PPS) syarikat tersebut. Namun, perjanjian pajakan tanah dipinda pada tahun 2007 supaya PPPNP mengambil alih pengurusan ladang kerana ahli tidak mampu menguruskan ladang.

- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2008, **syarikat 670370-D telah memohon dan diluluskan tambahan pemilikan 75 ekar LUP oleh PPPNP.** Ini menjadikan keseluruhan tanah yang ditawarkan adalah 300 ekar kepada peserta yang sama.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

Syarikat 670370-D telah diberi kelulusan bagi pelaksanaan projek LUP di bawah konsep '*owner operator*'. Namun, ahli tidak mampu menguruskan ladang dan telah memohon meminda konsep asal. Oleh itu, PPPNP mengambil alih menguruskan ladang sepenuhnya sehingga tempoh pajakan berakhir.

**Pendapat Audit** | **Kelulusan pemberian lot tanah yang kurang teliti menyebabkan peserta LUP mendapat tambahan lot tanah melalui syarikat 670370-D. Ini menyebabkan pegawai tentera yang lain tidak berpeluang memiliki lot LUP.**

#### **d. Tawaran Pemilikan Lot kepada Peserta Tidak Memenuhi Syarat Kelayakan**

- i. Berdasarkan para 3.6, Kertas Konsep LUR Kakitangan Kumpulan PPPNP menetapkan warga PPPNP yang telah mendapat lot ladang sebelum ini adalah tidak layak memohon bagi ladang yang lain. Manakala Kertas Konsep Pembangunan LUR yang diluluskan dalam Jawatankuasa Tanah PPPNP Bil. 14/2001 menetapkan antara syarat kelayakan pemohon adalah seperti berikut:-
  - berumur tidak kurang dari 40 tahun semasa permohonan dibuat;
  - lahir di Perak atau telah menyumbang jasa bakti kepada negeri Perak dan menetap di Perak; dan
  - peserta diperuntukkan satu lot dan setiap lot bersaiz satu hektar bagi LURHP.

- ii. Semakan Audit mendapati **55 peserta projek LUR telah ditawarkan pemilikan lot walaupun tidak memenuhi syarat kelayakan ditetapkan.** Pihak Audit mendapati kelulusan diberikan kepada peserta di bawah umur kelayakan ditetapkan serta tidak lahir dan menetap di Perak. Selain itu, peserta juga ditawarkan memiliki lot di dua ladang berlainan serta pemilikan lot diluluskan di kalangan ahli keluarga peserta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9.**

**JADUAL 9**  
**PESERTA TIDAK MEMENUHI SYARAT KELAYAKAN**

| BIL. | NO.KAD PENGENALAN                | PROJEK LUR | LOT | KELUASAN (EKAR) | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|------|----------------------------------|------------|-----|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | 660603-08-xxxx                   | LTT        | 1   | 2.47            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta merupakan ALP anak syarikat PPPNP - Ladang Jalong Sdn. Bhd.</li> <li>Peserta telah menerima 2 lot tanah iaitu bagi tanaman kelapa sawit dan durian.</li> </ul>                                                                                                                                             |
|      |                                  | Ayer Kala  | 1   | 1.00            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 2.   | 660121-08- xxxx                  | LURAK      | 1   | 2.47            | Peserta telah menerima 2 lot tanah di ladang yang berbeza.                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|      |                                  | LGK 1      | 1   | 2.47            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 3.   | 790502-01- xxxx                  | Jaya Setia | 1   | 5.00            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta tidak dilahirkan di Perak - berdasarkan kad pengenalan.</li> <li>Peserta berumur 32 tahun semasa tawaran</li> <li>Peserta adalah anak kepada Setiausaha Badan Penyelaras Kampung Kem Balak (BPKKB).</li> </ul>                                                                                             |
| 4.   | 820717-11-xxxx                   | Jaya Setia | 1   | 5.00            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta tidak dilahirkan di Perak - berdasarkan kad pengenalan.</li> <li>Peserta berumur 29 tahun semasa tawaran</li> <li>Permohonan menggunakan alamat yang sama dengan peserta no.5 iaitu Lot 10, Kampung Kem Balak 2, Ulu Kuang, 31200 Chemor.</li> <li>Peserta adalah anak kepada Setiausaha BPKKB.</li> </ul> |
| 5.   | 690228-01-xxxx                   | Jaya Setia | 1   | 5.00            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta tidak dilahirkan di Perak - berdasarkan kad pengenalan.</li> <li>Peserta adalah anak kepada Setiausaha BPKKB.</li> </ul>                                                                                                                                                                                   |
| 6.   | 760217-08-xxxx                   | Jaya Setia | 1   | 5.00            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta berumur 35 tahun semasa tawaran</li> <li>Permohonan menggunakan alamat yang sama dengan peserta no.7 iaitu D - 100, Kampung Kem Balak, 31100 Sg. Siput (U).</li> <li>Anak kepada peserta 541109-08-xxxx yang turut menerima 1 lot.</li> </ul>                                                              |
| 7.   | 850130-08- xxxx                  | Jaya Setia | 1   | 5.00            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta berumur 26 tahun semasa tawaran</li> <li>Anak kepada peserta 541109-08-xxxx yang turut menerima 1 lot.</li> </ul>                                                                                                                                                                                          |
| 8.   | 470707-08- xxxx                  | LURHP      | 4   | 9.88            | Menerima melebihi kuota lot yang ditetapkan iaitu 1 lot (1 hektar) per peserta                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 9.   | 430727-08- xxxx                  | LURHP      | 4   | 9.88            | Menerima melebihi kuota lot yang ditetapkan iaitu 1 lot (1 hektar) per peserta                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 10.  | 580205-08-xxxx                   | LUP        | 1   | 2.47            | Peserta bukan pegawai tentera berpangkat Mejar dan ke atas                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 11.  | Peserta Kumpulan U – 45 individu | LGK 1      | 45  | 133.48          | Tidak memenuhi syarat kategori ladang - Peserta terdiri daripada orang awam dan bukannya Koperasi                                                                                                                                                                                                                                                         |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

- iii. Ini disebabkan berlaku kelulusan penyertaan dan pengagihan kuota lot tanah yang tidak teratur. Kesannya, kuota peserta/Koperasi di sesuatu ladang menjadi terhad berikutan tawaran tidak mengikut kategori syarat

penyertaan. Selain itu, risiko wujudnya percanggahan kepentingan oleh pihak berkepentingan semasa pemilihan peserta/Koperasi.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

- i. Peserta 1 dan 2 – Kelulusan khas ALP dan YAB Menteri Besar Perak.
- ii. Peserta 3 hingga 7 - ALP telah membuat keputusan untuk bersetuju menawarkan semua peneroka sebagai peserta atas kepentingan umum serta menjaga kepentingan rakyat Negeri Perak. Peserta LUR Jaya Setia telah mendapat kelulusan khas dan tidak tertakluk kepada Kertas Konsep Asal.
- iii. Peserta 8 hingga 10 – Kelulusan khas diberikan oleh YAB Menteri Besar Perak.
- iv. Kumpulan U – Kelulusan khas diberikan oleh ALP Bil.4 Tahun 2006.

|                           |                                                                                                                                                                                                                                              |
|---------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat<br/>Audit</b> | <b>Proses pemilihan peserta adalah kurang memuaskan kerana terdapat peserta yang dipilih tidak mematuhi syarat kelayakan. Pemilihan tersebut boleh dipertikaikan dan menimbulkan isu percanggahan kepentingan atau kepentingan peribadi.</b> |
|---------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

#### **5.2.2. Pentadbiran Kontrak**

##### **a. Penamatan Perjanjian oleh Peserta Projek LUR**

- i. Berdasarkan Para (a) perjanjian antara PPPNP dan peserta LURAK, LURHP dan LPAK menjelaskan tanah yang terlibat di bawah Projek akan dibahagikan kepada lot-lot berasingan dan kemudian dipajakkan kepada peserta yang dipilih oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Negeri.
- ii. Semakan Audit mendapati **PPPNP telah menamatkan perjanjian pajakan tanah secara pembelian semula 13 lot tanah peserta berjumlah RM0.52 juta di LURAK, LURHP dan LPAK.** Pihak Audit mendapati perjanjian dengan peserta adalah perjanjian pajakan tanah sahaja dan tiada urusan pindah milik lot tanah berlaku. Selain itu, tiada hak milik berasingan juga dikeluarkan bagi lot tanah tersebut dan hak milik tanah masih didaftarkan atas nama PPPNP sepanjang tempoh pajakan.

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati 13 peserta yang menarik diri telah pun menikmati agihan keuntungan sejumlah RM17,900 hingga RM53,400 dari tahun 2006 hingga 2018. Analisis Audit **mendapati peserta telah mencapai pulangan pelaburan (modal) daripada penyertaan projek iaitu antara 140.4% hingga 418.9%**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PEMBELIAN SEMULA LOT LADANG PESERTA**

| BIL.   | PESERTA        | PROJEK LUR | NO. LOT | MODAL PENYERTAAN (HARGA PAJAKAN) (RM) (a) | AGIHAN KEUNTUNGAN TELAH TERIMA (RM) (b) | PULANGAN PELABURAN (ROI) (c) = (a)/(b)x100 |
|--------|----------------|------------|---------|-------------------------------------------|-----------------------------------------|--------------------------------------------|
| 1.     | 610528-08-xxxx | LURAK      | 566     | 12,750                                    | 31,800                                  | 249.4                                      |
| 2.     | 350927-08-xxxx |            | 639     |                                           | 30,000                                  | 235.3                                      |
| 3.     | 770425-08-xxxx |            | 566     |                                           | 31,800                                  | 249.4                                      |
| 4.     | 520925-08-xxxx |            | 316     |                                           | 31,800                                  | 249.4                                      |
| 5.     | 601202-08-xxxx |            | 769     |                                           | 49,000                                  | 384.3                                      |
| 6.     | 560426-08-xxxx |            | 848     |                                           | 29,800                                  | 233.7                                      |
| 7.     | 570707-10-xxxx |            | 424     |                                           | 31,800                                  | 249.4                                      |
| 8.     | 580201-02-xxxx |            | 617     |                                           | 31,800                                  | 249.4                                      |
| 9.     | 880922-08-xxxx |            | 501     |                                           | 28,300                                  | 222.0                                      |
| 10.    | 680218-11-xxxx |            | 644     |                                           | 31,800                                  | 249.4                                      |
| 11.    | 510428-08-xxxx | LPAK       | 112     | 12,750                                    | 17,900                                  | 140.4                                      |
| 12.    | 630816-08-xxxx | LURHP      | 75      | 12,750                                    | 53,400                                  | 418.9                                      |
| 13.    | 491203-08-xxxx |            | 52      |                                           | 53,400                                  | 418.8                                      |
| JUMLAH |                |            |         |                                           | 452,600                                 |                                            |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

- iv. Pihak Audit juga mendapati tindakan penamatan perjanjian melalui pembelian lot peserta di LURAK, LURHP dan LPAK juga berbeza dengan peserta di Ladang Belukar Semang. **Peserta projek Ladang Belukar Semang yang menarik diri hanya menerima RM10,000/lot berbanding peserta di LURAK, LURHP dan LPAK yang menerima RM40,000/lot.** Selain itu, didapati peserta Ladang Belukar Semang masih belum menikmati apa-apa agihan keuntungan dari penyertaan projek LUR.
- v. Ini disebabkan tiada klausa penamatan kontrak dinyatakan dalam perjanjian antara PPPNP dan peserta LURAK, LURHP dan LPAK. Sehubungan itu, Mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP Bil. 3 Tahun 2019 bertarikh 12 September 2019 telah menetapkan pembelian lot ladang peserta tertakluk kepada harga penilaian semasa tanah. Penetapan kadar belian balik lot sejumlah RM40,000/lot telah dipersetujui dalam Memo bil. (73) dlm. PPPNP 15-1-3 Jld.10 bertarikh 29 Mei 2020. Kadar tersebut setelah mengambil kira



nilai semasa tanah iaitu antara RM52,754 hingga RM79,120 (baki nilaian 48 tahun – harga siling) dan agihan keuntungan yang telah diterima oleh peserta.

- vi. Akibat kelemahan perjanjian, PPPNP terpaksa menanggung kerugian serta kaedah penamatan yang diambil juga tidak menjaga kepentingan PPPNP.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023**

PPPNP mengakui memang terdapat kelemahan dalam perjanjian. Perkara ini akan dibincangkan semula bersama Peguam Kumpulan PPPNP untuk menambah baik klausa dan terma di dalam perjanjian. Keputusan membeli semula lot ini mengambil kira kepentingan PPPNP dan masih menguntungkan. Ini kerana memandangkan tempoh pajakan lot masih berbaki 44 tahun, anggaran keuntungan minima yang akan diperoleh semula oleh PPPNP bagi satu lot seperti berikut:-

- i. LURAK: RM66,000 (anggaran keuntungan sebanyak RM1,500/tahun)
- ii. LURHP & LPAK: RM132,000 masing-masingnya (anggaran keuntungan sebanyak RM3,000/tahun)

Justeru, PPPNP berpandangan tindakan ini adalah wajar dan ia merupakan “commercial call” iaitu keputusan perniagaan. Dalam hal yang sama, keputusan ini telah mendapat persetujuan daripada mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar.

|                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat Audit</b> | <b>Tindakan PPPNP selaku tuan tanah untuk membayar wang sejumlah RM0.52 juta bagi tanah miliknya kepada peserta selaku penerima pajakan adalah kurang wajar. Ketidadaan klausa penamatan dalam perjanjian menyebabkan PPPNP membayar pampasan ke atas tanah miliknya sendiri.</b> |
|-----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

#### **b. Caj Kelewatan Bayaran Kos Pembangunan Asas (Sewa Pajakan Lot)**

- i. Klausa 6.1., Perjanjian Pengurusan Ladang syarikat 918466-K menetapkan syarat bayaran RM1.25 juta setahun hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 1 Jun setiap tahun. Kelewatan bayaran akan dikenakan penalti sebanyak 12% setahun (1% sebulan) mengikut kalendar tahun tersebut.
- ii. Klausa 2.2., Perjanjian Pengurusan Ladang syarikat 1349817-H menetapkan bayaran pengurusan dan operasi sejumlah RM175,130.40 perlu dibuat secara

tiga kali ansuran. Setiap satu ansuran bayaran berjumlah RM58,376.80 yang hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada 30 April, 31 Ogos dan 31 Disember setiap tahun. Klausa 2.5 pula menjelaskan syarikat 1349817-H bersetuju PPPNP berhak mengenakan Kadar Faedah Ingkar caj sebanyak 8% setahun yang akan dikira setiap hari ke atas amaun yang tertunggak.

- iii. Semakan Audit mendapati **tiada caj kelewatan/faedah ingkar dikenakan bagi kelewatan bayaran sewa pajakan** terhadap syarikat 918466-K dan 1349817-H. Kelewatan tersebut melibatkan antara 1 hingga 335 hari. Pihak Audit mendapati syarikat 918466-K membayar pajakan tersebut secara ansuran antara dua hingga lapan kali dalam setahun. Bayaran sewa tersebut didapati adalah dari potongan wang tahanan yang dibuat sebanyak 5% dari setiap hasil jualan BTS syarikat 918466-K ke kilang milik PPPNP.
- iv. Mengikut perkiraan Audit, **anggaran caj kelewatan dari tahun 2014 hingga 2022 bagi kedua-dua syarikat adalah sejumlah RM565,128.35**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 11** dan **12**.

**JADUAL 11**  
**CAJ KELEWATAN BAYARAN SEWA PAJAKAN LOT SYARIKAT 918466-K**

| TARIKH BAYARAN |            | SEWA PAJAKAN (RM) | TELAH BAYAR (RM) | BAKI BAYARAN /TUNGGAKAN (RM) | TUNGGAKAN       |                  |                                         |                               |
|----------------|------------|-------------------|------------------|------------------------------|-----------------|------------------|-----------------------------------------|-------------------------------|
| SEPATUT-NYA    | SEBENAR    |                   |                  |                              | TARIKH MULA (a) | TARIKH AKHIR (b) | TEMPOH KELEWATAN (c) = (a) – (b) (HARI) | *CAJ KELEWATAN DIKENAKAN (RM) |
| 1.06.2014      | -          | 1,250,000         | -                | 1,250,000.00                 | 1.06.2014       | 30.06.2014       | 30                                      | 12,328.77                     |
|                | 1.07.2014  |                   | 636,780.60       | 613,219.40                   | 1.07.2014       | 31.05.2015       | 335                                     | 67,538.14                     |
| 1.06.2015      | -          | 1,250,000         |                  | 1,863,219.40                 | 1.06.2015       | 29.06.2015       | 29                                      | 17,764.39                     |
|                | 30.06.2015 |                   | 847,548.10       | 1,015,671.30                 | 30.06.2015      | 31.05.2016       | 335                                     | 111,862.98                    |
| 1.06.2016      | -          | 1,250,000         | -                | 2,265,671.30                 | 1.06.2016       | 27.06.2016       | 27                                      | 20,111.71                     |
|                | 28.06.2016 |                   | 823,976.79       | 1,441,694.51                 | 28.06.2016      | 21.12.2016       | 177                                     | 83,894.77                     |
|                | 22.12.2016 |                   | 583,946.98       | 857,747.53                   | 22.12.2016      | 17.05.2017       | 147                                     | 41,453.88                     |
|                | 18.05.2017 |                   | 73,174.43        | 784,573.10                   | 18.05.2017      | 31.05.2017       | 13                                      | 3,353.24                      |
| 1.06.2017      | -          | 1,250,000         | -                | 2,034,573.10                 | 1.06.2017       | 4.07.2017        | 34                                      | 22,742.63                     |
|                | 5.07.2017  |                   | 712,605.31       | 1,321,967.79                 | 5.07.2017       | 29.10.2017       | 117                                     | 50,850.49                     |
|                | 30.10.2017 |                   | 55,779.90        | 1,266,187.89                 | 30.10.2017      | 21.11.2017       | 23                                      | 9,574.46                      |
|                | 22.11.2017 |                   | 53,983.98        | 1,212,203.91                 | 22.11.2017      | 20.12.2017       | 29                                      | 11,557.45                     |
|                | 21.12.2017 |                   | 122,122.54       | 1,090,081.37                 | 21.12.2017      | 9.01.2018        | 20                                      | 7,167.66                      |
|                | 10.01.2018 |                   | 500,000.00       | 590,081.37                   | 10.01.2018      | 22.03.2018       | 72                                      | 13,967.95                     |
|                | 23.03.2018 |                   | 47,171.11        | 542,910.26                   | 23.03.2018      | 1.04.2018        | 40                                      | 7,139.64                      |
|                | 2.05.2018  |                   | 250,000.00       | 292,910.26                   | 2.05.2018       | 13.05.2018       | 12                                      | 1,155.59                      |
|                | 14.05.2018 |                   | 63,040.60        | 229,869.66                   | 14.05.2018      | 31.05.2018       | 17                                      | 1,284.75                      |
| 1.06.2018      | -          | 1,250,000         | -                | 1,479,869.66                 | 1.06.2018       | 10.07.2018       | 40                                      | 19,461.30                     |

| TARIKH BAYARAN     |            | SEWA PAJAKAN (RM) | TELAH BAYAR (RM) | BAKI BAYARAN /TUNGGAKAN (RM) | TUNGGAKAN       |                  |                                         |                               |
|--------------------|------------|-------------------|------------------|------------------------------|-----------------|------------------|-----------------------------------------|-------------------------------|
| SEPATUT-NYA        | SEBENAR    |                   |                  |                              | TARIKH MULA (a) | TARIKH AKHIR (b) | TEMPOH KELEWATAN (c) = (a) – (b) (HARI) | *CAJ KELEWATAN DIKENAKAN (RM) |
|                    | 11.07.2018 |                   | 927,691.69       | 552,177.97                   | 11.07.2018      | 5.08.2018        | 26                                      | 4,719.99                      |
|                    | 6.08.2018  |                   | 125,380.36       | 426,797.61                   | 6.08.2018       | 12.08.2018       | 38                                      | 5,332.05                      |
|                    | 13.08.2018 |                   | 250,000.00       | 176,797.61                   | 13.08.2018      | 14.11.2018       | 94                                      | 5,463.77                      |
|                    | 15.11.2018 |                   | 250,000.00       | (73,202.39)                  | 15.11.2018      | 24.04.2019       | TB                                      | TB                            |
|                    | 25.04.2019 |                   | 121,191.51       | (194,393.90)                 | 25.04.2019      | 31.05.2019       | TB                                      | TB                            |
| 1.06.2019          | -          | 1,250,000         | -                | 1,055,606.10                 | 1.06.2019       | 3.07.2019        | 33                                      | 11,452.60                     |
|                    | 4.07.2019  |                   | 959,992.20       | 95,613.90                    | 4.07.2019       | 4.07.2019        | 1                                       | 31.43                         |
|                    | 5.07.2019  |                   | 123,898.55       | (28,284.65)                  | 5.07.2019       | 3.12.2019        | TB                                      | TB                            |
|                    | 4.12.2019  |                   | 114,179.20       | (142,463.85)                 | 4.12.2019       | 3.02.2020        | TB                                      | TB                            |
|                    | 4.02.2020  |                   | 23,177.74        | (165,641.59)                 | 4.02.2020       | 31.05.2020       | TB                                      | TB                            |
| 1.06.2020          | -          | 1,250,000         | -                | 1,084,358.41                 | 1.06.2020       | 7.07.2020        | 37                                      | 13,190.55                     |
|                    | 8.07.2020  |                   | 981,315.80       | 103,042.61                   | 8.07.2020       | 9.07.2020        | 2                                       | 67.75                         |
|                    | 10.07.2020 |                   | 136,934.54       | (33,891.93)                  | 10.07.2020      | 2.12.2020        | TB                                      | TB                            |
|                    | 3.12.2020  |                   | 156,522.48       | (190,414.41)                 | 3.12.2020       | 8.02.2021        | TB                                      | TB                            |
|                    | 9.02.2021  |                   | 27,537.53        | (217,951.94)                 | 9.02.2021       | 31.05.2021       | TB                                      | TB                            |
| 1.06.2021          | -          | 1,250,000         | -                | 1,032,048.06                 | 1.06.2021       | 1.07.2021        | 31                                      | 10,518.41                     |
|                    | 2.07.2021  |                   | 241,922.40       | 790,125.66                   | 2.07.2021       | 7.07.2021        | 6                                       | 1,558.60                      |
|                    | 8.07.2021  |                   | 835,183.79       | (45,058.13)                  | 8.07.2021       | 13.12.2021       | TB                                      | TB                            |
|                    | 14.12.2021 |                   | 264,733.29       | (309,791.42)                 | 14.12.2021      | 18.01.2022       | TB                                      | TB                            |
|                    | 19.01.2022 |                   | 36,868.21        | (346,659.63)                 | 19.01.2022      | -                | TB                                      | TB                            |
| JUMLAH KESELURUHAN |            |                   |                  |                              |                 |                  |                                         | 555,544.95                    |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: (\*) – Caj kelewatan dikira 12% setahun atau 1% sebulan

(-) – Tiada

TB – Tidak Berkenaan

**JADUAL 12**  
**FAEDAH INKGAR SYARIKAT 1349817-H**

| BIL.   | TARIKH                 |                     | TELAH BAYAR (RM) | KELEWATAN BAYARAN (HARI) (c) = (a)-(b) | *FAEDAH INKGAR DIKENAKAN (RM) |
|--------|------------------------|---------------------|------------------|----------------------------------------|-------------------------------|
|        | BAYARAN SEPATUTNYA (a) | BAYARAN SEBENAR (b) |                  |                                        |                               |
| 1.     | 31.12.2020             | 22.01.2021          | 58,376.80        | 22                                     | 281.49                        |
| 2.     | 30.04.2021             | 01.12.2021          | 58,376.80        | 215                                    | 2,750.91                      |
| 3.     | 31.08.2021             | 21.12.2021          | 29,188.40        | 112                                    | 716.52                        |
| 4.     | 31.12.2021             | Tiada               | Tiada            | *273                                   | 3,493.01                      |
| 5.     | 30.04.2022             | Tiada               | Tiada            | *153                                   | 1,957.62                      |
| 6.     | 31.08.2022             | Tiada               | Tiada            | *30                                    | 383.85                        |
| JUMLAH |                        |                     |                  |                                        | 9,583.40                      |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: (\*) – Kadar Faedah Ingkar dikira 8% setahun dan pengiraan tempoh kelewatan sehingga 30 September 2022

- v. Kelemahan penguatkuasaan klausa perjanjian menyebabkan PPPNP kehilangan hasil tambahan daripada perjanjian sewa pajakan serta tidak menjamin kepentingan Kerajaan.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

Pihak PPPNP bersetuju dengan penemuan Audit. Unit Akaun, PPPNP akan menyemak dan mengemas kini rekod sewa pajakan dan tindakan untuk menuntut semua caj kelewatan bayaran Kos Pembangunan Asas.

#### **c. Tunggakan Cukai Tanah**

- i. Klausa 7.3, perjanjian bertarikh 5 Julai 2013 menetapkan syarikat 918466-K hendaklah membayar cukai tanah berjumlah RM59,759 sebelum 30 April setiap tahun. Manakala Klausa 4(g), perjanjian syarikat 1349817-H pula menetapkan syarikat hendaklah membayar cukai tanah berjumlah RM16,980 setahun.
- ii. Semakan Audit mendapati **tunggakan cukai tanah berjumlah RM512,032 masih belum dibayar oleh syarikat 918466-K dan 1349817-H sehingga tarikh pengauditan.** Syarikat 918466-K mempunyai tunggakan cukai tanah yang tinggi iaitu berjumlah RM478,072 kerana tidak pernah dibayar sejak tahun 2014.
- iii. Pihak Audit mendapati PPPNP telah bersetuju supaya tunggakan tersebut dibayar secara berperingkat melalui surat Bil.(44) dlm.PPPNP 4-10-10 bertarikh 18 Januari 2019. **Namun, tunggakan cukai tanah masih belum dibayar mengikut jadual bayaran berperingkat tersebut.** Bagi syarikat 1349817-H, notis bayaran tunggakan cukai tahun 2021 telah dikeluarkan pada 31 Januari 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 13.**

**JADUAL 13  
TUNGGAKAN CUKAI TANAH**

| BIL. | SYARIKAT | TAHUN | PEMBAYARAN BERPERINGKAT | AMAUN (RM) |
|------|----------|-------|-------------------------|------------|
| 1.   | 918466-K | 2014  | Januari 2019            | 59,759     |
|      |          | 2015  | Julai 2019              | 59,759     |
|      |          | 2016  | Januari 2020            | 59,759     |
|      |          | 2017  | Julai 2020              | 59,759     |
|      |          | 2018  | Januari 2021            | 59,759     |

| BIL.                      | SYARIKAT  | TAHUN | PEMBAYARAN BERPERINGKAT | AMAUN (RM)     |
|---------------------------|-----------|-------|-------------------------|----------------|
|                           |           | 2019  | Julai 2021              | 59,759         |
|                           |           | 2020  | Januari 2022            | 59,759         |
|                           |           | 2021  | Julai 2022              | 59,759         |
| <b>JUMLAH</b>             |           |       |                         | <b>478,072</b> |
| 2.                        | 1349817-H | 2021  | TB                      | 16,980         |
|                           |           | 2022  | TB                      | 16,980         |
| <b>JUMLAH</b>             |           |       |                         | <b>33,960</b>  |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |           |       |                         | <b>512,032</b> |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

- iv. Hal ini berlaku kerana kelemahan penguatkuasaan bagi kutipan bayaran balik cukai ke atas syarikat tersebut. Akibatnya, PPPNP terpaksa menanggung bayaran cukai tanah bagi pihak syarikat.

### Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023

PPNP telah menuntut tunggakan cukai tanah kepada syarikat 918466-K pada tahun 2019 bagi cukai tanah 2015 dan 2016 dengan menolak dari bayaran jualan BTS syarikat 918466-K kepada kilang PPPNP. Baki dari tahun tersebut akan dituntut tahun 2023. Pihak PPPNP akan menghantar surat peringatan kepada syarikat 1349817-H bagi menuntut jumlah tunggakan tersebut.

**Pendapat Audit** | **Kelemahan penguatkuasaan klausa perjanjian dan kutipan bayaran balik cukai menjejaskan kepentingan Kerajaan.**

### 5.2.3. Pembiayaan Lot Tanah

#### a. Kaedah Bayaran Kos Pembangunan Asas (Pajakan Lot)

- Berdasarkan Kertas Konsep Pembangunan Projek LUR dalam Kertas Mesyuarat Lembaga PPPNP Bil. 8 Tahun 2001 menetapkan syarat penyertaan antaranya pembiayaan lot oleh peserta adalah melalui pinjaman bank yang diaturkan oleh PPPNP. Peserta juga boleh membayar secara tunai jika berkemampuan.
- Semakan Audit **mendapati kaedah bayaran Kos Pembangunan Asas (KPA) atau pajakan lot melalui potongan hasil dari**

**keuntungan ladang tidak menepati syarat penyertaan projek LUR yang ditetapkan.** Sebagai contoh, Koperasi PPM 916/99-8 telah ditawarkan 100 ekar tanah dengan harga pajakan lot berjumlah RM0.5 juta. Bagaimanapun, Koperasi tersebut gagal membayar baki pajakan lot berjumlah RM0.4 juta (80%) yang tertunggak sejak tahun 2008. Pihak Audit mendapati **tiada tindakan pembatalan penyertaan diambil oleh PPPNP kerana telah melanggar syarat perjanjian.**

- iii. Akan tetapi PPPNP melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4 Tahun 2022 bertarikh 21 Julai 2022 telah memberikan kelulusan supaya baki bayaran tersebut dibuat melalui potongan hasil dari keuntungan ladang. Kelulusan yang diberikan oleh ALP menyebabkan Koperasi tersebut dapat memiliki 100 ekar lot dengan bayaran sejumlah RM0.1 juta sahaja. Selain itu, Koperasi tersebut juga dapat menikmati agihan keuntungan mulai tahun 2017 dan ianya tidak selari dengan syarat agihan keuntungan. Syarat menetapkan agihan keuntungan hanya diberikan kepada peserta/Koperasi yang selesai membuat bayaran pajakan lot sahaja.
- iv. Pihak Audit mendapati **kaedah tersebut tidak berlaku adil kepada peserta/Koperasi lain yang membuat pinjaman bank atau bayaran secara tunai.** Peserta/Koperasi lain telah mengeluarkan sejumlah wang untuk dilaburkan atau membuat pinjaman bank untuk menunjukkan kesungguhan menyertai projek LUR. Bagi yang membuat pinjaman bank, peserta/Koperasi juga terpaksa membayar lebih dari harga pajakan lot kerana menanggung faedah bank.
- v. Ini disebabkan kelemahan penguatkuasaan klausa perjanjian dan kelonggaran syarat kelayakan oleh PPPNP. Kaedah bayaran pajakan lot melalui potongan hasil dari keuntungan ladang kurang wajar dilaksanakan kerana tidak menjaga kepentingan Kerajaan.

#### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023**

Koperasi tersebut tidak diberi penyertaan ke dalam projek LUR pada kadar yang lebih rendah, sebaliknya bayaran tersebut dikekalkan sebanyak RM0.5 juta, di mana RM0.1 juta diselesaikan secara tunai dan baki RM0.4 juta melalui potongan hasil. Pihak Pengurusan PPPNP melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4 Tahun 2022 bertarikh 21 Julai 2022 telah memberikan kelulusan supaya baki bayaran di buat melalui potongan hasil keuntungan ladang selaras Seksyen 18 (g) Enakmen PPPNP.

**Pendapat Audit** | Kelulusan ALP telah membenarkan Koperasi tertentu memiliki lot tanah dengan bayaran yang minima berbanding Koperasi lain. Hal ini boleh menimbulkan risiko pertikaian.

**b. Tunggakan Kos Pembangunan Asas (Pajakan Lot)**

- i. Klausa 3.2, Perjanjian antara PPPNP dan peserta Kumpulan U menetapkan sekiranya Kos Pembangunan Asas (KPA) gagal dijelaskan, PPPNP berhak untuk membatalkan perjanjian ataupun menolak dari hasil keuntungan bersih yang diperoleh dari lot tersebut jumlah bayaran KPA yang terhutang. Klausa 10, perjanjian antara PPPNP dan Koperasi pula menetapkan PPPNP berhak untuk menamatkan perjanjian sekiranya Koperasi melakukan pelanggaran terhadap syarat iaitu bayaran jumlah penyertaan seperti dalam Bahagian 3 Jadual 1.
- ii. Semakan Audit mendapati **bayaran KPA atau pajakan lot berjumlah RM0.27 juta masih belum dijelaskan** oleh tiga peserta dari LGK 1 dan enam Koperasi dari LBT Harapan sehingga tarikh pengauditan. Bayaran pajakan lot ini telah tertunggak sejak perjanjian ditandatangani dan melibatkan **kelewatan antara 130 hingga 5,440 hari**. Notis tuntutan bayaran telah dikeluarkan kepada peserta dan Koperasi tersebut pada 15 dan 17 Februari 2022, namun masih tiada bayaran di buat.
- iii. Pihak Audit mendapati walaupun bayaran jumlah penyertaan belum dijelaskan, satu Koperasi iaitu Koperasi A-5-1514 telah menerima agihan keuntungan sejumlah RM5,664.40 pada tahun 2020. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14  
TUNGGAKAN BAYARAN PAJAKAN LOT**

| BIL.   | PROJEK LUR                            | PESERTA/<br>KOPERASI/<br>YAYASAN | TARIKH<br>PERJANJIAN<br>DITANDATANGANI | KELEWATAN<br>(HARI)* | LOT<br>(EKAR) | TUNGGAKAN<br>(RM) | AGIHAN<br>KEUNTUNGAN<br>(RM) |
|--------|---------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------------|----------------------|---------------|-------------------|------------------------------|
| 1.     | LGK 1 –<br>Balun<br>Bidai<br>Tambahan | 370407-05-5201<br>TM             | 4.02.2008                              | 5,440                | 2.47          | 12,500            | X                            |
| 2.     |                                       | 690519-08-6455                   | 4.02.2008                              | 5,440                | 2.47          | 12,500            | X                            |
| 3.     |                                       | 510728-08-5749                   | 4.02.2008                              | 5,377                | 2.47          | 12,500            | X                            |
| 4.     | LBT<br>Harapan                        | A-5-1514                         | 31.12.2019                             | 1,088                | 5             | 38,414            | 5,664.40                     |
| 5.     |                                       | A-5-1401                         | 31.12.2019                             | 1,088                | 5             | 38,414            | X                            |
| 6.     |                                       | A-4-1657                         | 31.12.2019                             | 1,088                | 5             | 38,414            | X                            |
| 7.     |                                       | A-3-1063                         | 10.05.2022                             | 228                  | 5             | 38,414            | X                            |
| 8.     |                                       | A-4-1051                         | 15.06.2022                             | 192                  | 5             | 38,414            | X                            |
| 9.     |                                       | A-4-1723                         | 16.08.2022                             | 130                  | 5             | 38,414            | X                            |
| JUMLAH |                                       |                                  |                                        |                      | 37.41         | 267,984           | 5,664.40                     |

Sumber: Laporan Kewangan Ladang

Nota: (\*) Kelewatan dikira dari tarikh perjanjian ditandatangani sehingga 31.12.2022

TM – Tiada Maklumat

- iv. Perkara ini berlaku kerana tiada tindakan lanjut diambil oleh PPPNP sama ada tindakan menolak dari hasil keuntungan bersih yang diperoleh dari lot atau tindakan penamatan perjanjian terhadap peserta/Koperasi tersebut. Kesannya, peserta/Koperasi yang lebih berkelayakan tidak dapat memiliki lot tersebut berikutan kuota terhad.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

Bagi menjaga kepentingan PPPNP dan kebajikan kepada pihak peserta, PPPNP tidak membatalkan perjanjian sekiranya peserta tidak mampu membayar secara tunai. PPPNP akan menawarkan tolakan hasil atau mengambil pinjaman bank. Perkara ini telah diambil tindakan dengan memotong hasil pada tahun 2022.

#### **c. Kos Pembangunan Ladang Tidak Dikutip**

- i. Klausa 1.1, Perjanjian Tambahan antara PPPNP dan Koperasi menetapkan Koperasi perlu menjelaskan bayaran pajakan dan kos pembangunan seperti di Bahagian 2, Jadual 1. Klausa 2.2 pula menetapkan PPPNP berhak secara mutlak untuk mengenakan caj bagi menampung kos penyeliaan dan pengurusan sebanyak 10% setahun ke atas jumlah yang tertunggak yang dikira dari tarikh perlu dijelaskan sekiranya Koperasi lewat membuat bayaran. Klausa 2.3 juga menjelaskan PPPNP berhak menamatkan perjanjian sekiranya kelewatan atau keingkaran berterusan.
- ii. Semakan Audit mendapati **bayaran kos pembangunan LGK 1 berjumlah RM9.53 juta tidak dikutip daripada 10 Koperasi/Yayasan sehingga tarikh pengauditan.** Koperasi juga mengakui kos tersebut telah ditanggung oleh PPPNP di bawah Perjanjian Asal dan akan diambil kira dalam pengiraan kos pembangunan semula LGK 1 di bawah Klausa 3.2, Perjanjian Tambahan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Penyata Akaun LGK 1 mendapati tiada bukti rekod bayaran tersebut telah dijelaskan oleh Koperasi.
- iii. Kelewatan bayaran tersebut **melibatkan 1,036 hingga 3,458 hari dari tarikh perjanjian tambahan ditandatangani.** Berdasarkan pengiraan Audit, **anggaran caj kelewatan terhadap tunggakan tersebut adalah sejumlah RM7.19 juta.** Pihak Audit juga mendapati tiada penamatan Perjanjian diambil bagi kelewatan atau keingkaran berterusan oleh



Koperasi sepertimana Klausula 2.3 Perjanjian. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**KOS PEMBANGUNAN LGK 1 TIDAK DIKUTIP**

| BIL.          | KOPERASI                  | TARIKH TANDATANGAN |                     | KOS PEMBANGUNAN (RM Juta) | KELEWATAN (HARI)* | CAJ KELEWATAN (RM Juta) |
|---------------|---------------------------|--------------------|---------------------|---------------------------|-------------------|-------------------------|
|               |                           | PERJANJIAN ASAL    | PERJANJIAN TAMBAHAN |                           |                   |                         |
| 1.            | A-4-0542                  | 2.09.2008          | 28.02.2020          | 0.53                      | 1,036             | 0.15                    |
| 2.            | Jpk.5570/1 SJ.66          | 8.03.2007          | 11.07.2013          | 0.53                      | 3,458             | 0.50                    |
| 3.            | A-5-0431/1999             | 8.03.2007          | 28.02.2020          | 1.06                      | 1,036             | 0.30                    |
| 4.            | Jpk.Pk. 5/2-338/S.K1/(13) | 22.05.2007         | 11.07.2013          | 0.53                      | 3,458             | 0.50                    |
| 5.            | A-4-0365                  | 22.05.2007         | 7.11.2013           | 0.53                      | 3,339             | 0.48                    |
| 6.            | 3066/22.7.1985            | 8.03.2007          | 28.02.2020          | 1.06                      | 1,036             | 0.30                    |
| 7.            | KOOP. Negeri No.106       | 8.03.2007          | 11.07.2013          | 3.17                      | 3,458             | 3.00                    |
| 8.            | 3904                      | 8.03.2007          | 11.07.2013          | 0.53                      | 3,458             | 0.50                    |
| 9.            | 5488/1 Koop. No.66        | 13.01.2009         | 11.07.2013          | 0.53                      | 3,458             | 0.50                    |
| 10.           | 328/94 (Perak)            | 8.03.2007          | 25.11.2013          | 1.06                      | 3,321             | 0.96                    |
| <b>JUMLAH</b> |                           |                    |                     | <b>9.53</b>               |                   | <b>7.19</b>             |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: (\*) Kelewatan dikira dari tarikh perjanjian tambahan ditandatangani sehingga 31.12.2022

- iv. Ini disebabkan kos pembangunan tersebut tidak diambil kira sebagai penghutang di dalam penyata akaun ladang. Selain itu, PPPNP juga tidak mengambil tindakan untuk menolak kos tersebut secara ansuran dari jumlah Jaminan Keuntungan Minima (JKM) yang diberikan kepada Koperasi mulai tahun 2017. Akibatnya, PPPNP terpaksa menanggung pendahuluan kos pembangunan ladang sejumlah RM9.53 juta dan kerugian caj kelewatan sejumlah RM7.19 juta kerana tidak dikutip. Ketidapatuhan ini tidak memelihara kepentingan PPPNP.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023**

Secara prinsipnya pembayaran kos pembangunan perlu dijelaskan sebelum Perjanjian ditandatangani. Pihak PPPNP ambil maklum perkara ini dan caj kelewatan kepada peserta akan dibuat. PPPNP sedang dalam semakan untuk menentukan kesahihan dokumen dan kemungkinan terdapat arahan bertulis lain yang telah diambil tindakan.

#### **Pendapat Audit**

**Pengurusan kutipan Kos Pembangunan Asas dan Kos Pembangunan Ladang tidak cekap disebabkan rekod/lejar bayaran Koperasi tidak dikemas kini.**

#### 5.2.4. Pengurusan Agihan Keuntungan

##### a. Surat Kuasa Menerima Wang Pendahuluan bagi Majlis Agihan Keuntungan Ladang Rakyat

- i. Mengikut Para 4.2, Prosedur Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman PPPNP/KEW/P16 bertarikh 1 Mac 2016 dan semakan semula bertarikh 1 September 2018 menetapkan kuasa menerima wang adalah seorang yang diberi kuasa untuk menandatangani surat kebenaran memohon dan menerima pendahuluan pelbagai.
- ii. Semakan Audit mendapati **pendahuluan pelbagai berjumlah RM337,300 telah diluluskan kepada pegawai Unit Sosial yang tidak mempunyai surat kuasa menerima wang.** Pendahuluan pelbagai tersebut telah dibayar secara berperingkat ke akaun pegawai bagi perbelanjaan Majlis Agihan Keuntungan Ladang Rakyat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

#### Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023

Surat Kuasa tidak dikeluarkan memandangkan ianya "*deemed to be authorised*" apabila seseorang pegawai di Unit berkenaan membuat permohonan menggunakan borang yang disediakan dan ianya disokong/disahkan oleh Ketua Unit. Bagaimanapun, surat kuasa terimaan wang akan dikuat kuasa serta merta untuk permohonan pendahuluan yang baru seperti yang digariskan dalam SOP.

|                           |                                                                                       |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat<br/>Audit</b> | <b>Penerimaan wang tanpa surat kuasa tidak mematuhi prosedur kewangan ditetapkan.</b> |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|

##### b. Pendahuluan Keuntungan LGK 1 Tidak Dikutip

- i. Klausula 3.7 dan 3.8, Perjanjian Tambahan antara PPPNP dan Koperasi/Yayasan menetapkan PPPNP akan membayar antara RM750,000 hingga RM900,000 setahun bagi Tahun Pertama (tahun 2012) hingga Tahun Keempat (tahun 2015) sebagai Pendahuluan Keuntungan kepada Koperasi. Pendahuluan Keuntungan tersebut akan dibayar balik oleh Koperasi melalui tolakan daripada Jumlah Keuntungan Minima (JKM) bilamana ianya mula dikira dan kena dibayar kepada Koperasi bermula Tahun Keempat sehingga tamat tempoh pengurusan.

- ii. Semakan Audit mendapati **bayaran balik pendahuluan keuntungan berjumlah RM3.95 juta kepada 10 Koperasi di LGK 1 masih belum dikutip** sehingga tarikh pengauditan. Pihak Audit mendapati PPPNP memberikan pendahuluan kepada semua Koperasi mulai tahun 2012 kecuali dua Koperasi mulai tahun 2013. PPPNP telah memberikan pendahuluan keuntungan kerana LGK 1 mengalami kerugian sejak ianya diusahakan pada tahun 2007.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tujuh Koperasi sepatutnya membuat bayaran balik pendahuluan secara tolakan daripada JKM mulai tahun 2016. Bayaran balik pendahuluan bagi tiga Koperasi pula sepatutnya dibuat mulai tahun 2018 kerana perjanjian tambahan lewat ditandatangani dan tiga Koperasi tersebut masih menerima pendahuluan keuntungan sehingga tahun 2017. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **semua Koperasi telah menerima JKM sepenuhnya pada setiap tahun tanpa apa-apa potongan/tolakan bagi bayaran balik pendahuluan tersebut**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**PENDAHULUAN KEUNTUNGAN MASIH BELUM DIKUTIP**

| BIL.          | KOPERASI/<br>YAYASAN         | AMAUN<br>PENDAHULUAN<br>KEUNTUNGAN<br>SETAHUN<br>(RM) | AMAUN<br>TELAH<br>TERIMA<br>(RM) | TAHUN BAYARAN             |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
|---------------|------------------------------|-------------------------------------------------------|----------------------------------|---------------------------|------|------|------|------------------------------------|------|------|------|------|------|
|               |                              |                                                       |                                  | PENDAHULUAN<br>KEUNTUNGAN |      |      |      | JAMINAN KEUNTUNGAN<br>MINIMA (JKM) |      |      |      |      |      |
|               |                              |                                                       |                                  | 2012                      | 2013 | 2014 | 2015 | 2016                               | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 |
| 1.            | 3066/22.7.1985               | 100,000                                               | 600,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 2.            | A-4-0542                     | 50,000                                                | 250,000                          | TB                        |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 3.            | A-5-0431/1999                | 100,000                                               | 500,000                          | TB                        |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 4.            | Jpk.5570/1 SJ.66             | 50,000                                                | 200,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 5.            | Jpk.Pk.5/2-338/S.K<br>1/(13) | 50,000                                                | 200,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 6.            | A-4-0365                     | 50,000                                                | 200,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 7.            | Koop. Negeri No. 106         | 300,000                                               | 1,200,000                        |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 8.            | 3904                         | 50,000                                                | 200,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 9.            | 5488/1 Koop No.66            | 50,000                                                | 200,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| 10.           | Yayasan 3827/94 (Perak)      | 100,000                                               | 400,000                          |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |
| <b>JUMLAH</b> |                              |                                                       | <b>3,950,000</b>                 |                           |      |      |      |                                    |      |      |      |      |      |

Sumber: Perjanjian Tambahan Pembangunan dan Pengurusan Ladang PPPNP

Nota: TB – Tidak Berkenaan

|  |                                                        |
|--|--------------------------------------------------------|
|  | Menerima pendahuluan                                   |
|  | Menerima JKM sepenuhnya tanpa apa-apa potongan/tolakan |

- iv. Kelemahan pengurusan kutipan balik pendahuluan oleh pihak PPPNP menyebabkan Koperasi menikmati keuntungan yang lebih daripada sepatutnya. Ini juga mengakibatkan PPPNP mempunyai jumlah pendahuluan yang tinggi dalam Penyata Akaun LGK 1.

### Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023

PPNP ambil maklum tentang perkara ini dan tindakan pemotongan ke atas keuntungan akan dilaksanakan pada tahun hadapan setelah perkara ini disemak dan jumlah potongan mendapat persetujuan peserta.

|                           |                                                                                                                       |
|---------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pendapat<br/>Audit</b> | <b>Pengurusan kutipan balik pendahuluan kurang cekap kerana kelewatan potongan kutipan sejak tahun 2016 dan 2018.</b> |
|---------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

#### 5.2.5. Pengurusan Ladang

##### 5.2.5.1. Aktiviti Penyelenggaraan Ladang


Penyelenggaraan ladang merangkumi aktiviti pembajaan, meracun/merumput, pemangkasan serta kawalan penyakit dan perosak. Pihak Audit telah membuat semakan dan lawatan Audit bagi dua daripada empat aktiviti iaitu pembajaan dan meracun/merumput di tujuh ladang iaitu LURAK, LAP, LUT, LUP, LKSB, LTT dan LBT (Harapan). Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut:-

##### a. Pembajaan

- i. Berdasarkan Panduan Pembajaan Sawit yang dikeluarkan oleh *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) menjelaskan kekerapan membaja bergantung kepada umur pokok iaitu tiga kali setahun bagi umur pokok antara setahun hingga empat tahun. Manakala bagi umur pokok melebihi empat tahun, kekerapan adalah dua kali setahun.
- ii. Semakan Audit terhadap jadual perancangan pembajaan tahun 2020 hingga bulan September 2022 mendapati **kerja membaja tidak dibuat mengikut perancangan**. Pihak Audit mendapati prestasi pencapaian pembajaan (hektar) adalah antara 15% hingga 100% bagi tempoh tahun 2020 dan 2021. Manakala sehingga bulan September 2022,

prestasi pencapaian pembajaan (hektar) adalah antara 10.8% hingga 57.2%. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 4**.

**RAJAH 4**  
**AKTIVITI PEMBAJAJAN BAGI TUJUH**  
**PROJEK LADANG UNTUK RAKYAT BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2022**



Sumber: Laporan Kemajuan Ladang, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

- iii. Pihak Audit dimaklumkan kerja membaja tergendala disebabkan faktor cuaca (hujan) dan banjir di kawasan ladang. Selain itu, bekalan baja juga lewat diterima daripada pembekal.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023**

Proses import bekalan baja ke dalam negara mengambil masa yang lama disebabkan polisi dan sekatan negara pengeksport berikutan pandemik Covid-19. Ketidaktentuan harga bekalan baja juga menjejaskan proses perolehan bekalan di mana pembekal tidak dapat memberi ketetapan harga yang kompetitif dan realistik. Oleh itu, taburan baja telah lewat dari program yang ditetapkan.

#### **b. Meracun/Merumput**

- i. Berdasarkan SOP PPPNP/PER/P9 Penyelenggaraan Kawasan Kelapa Sawit Matang bertarikh 11 Ogos 2011, kerja meracun/merumput bulatan bagi pokok matang berusia lima tahun ke atas, pusingan kerja adalah 3 pusingan dalam setahun. Bagi kerja meracun/merumput pilihan, kerja

boleh dilaksanakan secara manual atau kimia bertujuan untuk menghapuskan anak kayu, paku pakis dan rumpai di sesuatu lokaliti di dalam blok tanaman.

- ii. Lawatan Audit di LUT dan LUP pada bulan Oktober 2022 mendapati **kawasan ladang tidak diselenggara dengan baik kerana lalang dan tumbuhan liar tumbuh tinggi di sekeliling tanaman.** Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Ladang Bulan September 2022 LUT dan LUP mendapati hanya kerja meracun bulatan/strip di LUT telah dilaksanakan sebanyak 1.5 pusingan berbanding 3 pusingan. Manakala di LUP, kerja meracun bulatan/strip dan meracun pilihan masih belum dilaksanakan mengikut jadual perancangan. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



**GAMBAR 2**



Ladang Usahawan Tani  
- Tumbuhan Liar yang Tinggi Menyukarkan Kerja-Kerja Ladang  
(18.10.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



**GAMBAR 4**



Ladang Usahawan Pahlawan  
- Tumbuhan Liar yang Tinggi Menyukarkan Kerja-Kerja Ladang  
(19.10.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Pihak Audit dimaklumkan kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual antaranya kerana faktor cuaca iaitu hujan dan kerja dilaksanakan mengikut keutamaan. Kawasan ladang yang tidak diselenggara menyukarkan kerja-kerja ladang seperti membaja, mengutip buah lerai dan pemangkasan.



## Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023

LUT dan LUP adalah kawasan rendah dan sering dinaiki air (banjir) yang mengakibatkan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan sering kali tertangguh. Namun, kerja-kerja meracun/merumput telah dilaksanakan pada bulan November 2022.

**Pendapat Audit** | **Penyelenggaraan ladang yang tidak dilaksanakan mengikut perancangan ditetapkan boleh menjejaskan hasil tuaian.**

### 5.2.5.2. Kerja Tanaman Semula Pokok

#### a. Pecah Kecil Perolehan

- i. Berdasarkan para 7.1.3, SOP Pengurusan dan Perolehan Kontrak PPPNP (Semakan 4) bertarikh 1 Oktober 2018 menetapkan agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga dan tender. Para 7.13(b) SOP tersebut pula menetapkan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah memperakukan Laporan Penilaian yang disediakan oleh Urusetia untuk kelulusan Pegawai yang bertanggungjawab.
- ii. Berdasarkan perolehan tahun 2021, kerja Tanaman Semula Kelapa Sawit Ladang Tualang Tumbuh seluas  $\pm 254.7$  hektar Fasa 1 (PAMS.LTT.08/2021) dan Fasa 2 (PAMS.LTT.09/2021) telah dibuat secara tender pada 25 Februari 2021. Syarikat dilantik bagi Fasa 1 adalah syarikat JM0878085-U dengan nilai kontrak RM1.08 juta manakala bagi Fasa 2, syarikat dilantik adalah syarikat 002195513-A dengan nilai kontrak RM1.13 juta. Kedua-dua tender telah diluluskan lanjutan masa sehingga 30 Jun 2022.
- iii. Semakan Audit mendapati perolehan **kerja tambahan Tanaman Semula Kelapa Sawit Ladang Tualang Tumbuh** seluas  $\pm 254.7$  hektar Fasa 1 dan Fasa 2 seluas  $\pm 228.5$  hektar **telah dipecah kecil kepada tujuh sebut harga dan satu lantikan terus.** Pecah kecil tersebut melibatkan nilai kerja berjumlah **RM2.42 juta dan telah dilaksanakan di ladang yang sama.** Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada laporan penilaian sebut harga disediakan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga/Rundingan

Terus. Pihak Audit mendapati hanya memo dari Pengurus Operasi Perladangan sahaja diangkat untuk pertimbangan kelulusan. Memo tersebut kemudiannya disokong Pengurus Besar Operasi dan diluluskan oleh Ketua Pegawai Operasi (KPO).

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati skop kerja di dalam sebut harga/lantikan terus tersebut tidak dimasukkan bersekali dalam skop/spesifikasi tender PAMS.LTT.08/2021 dan PAMS.LTT.09/2021. Selain itu, **syarikat yang dilantik bagi semua sebut harga/lantikan terus tersebut didapati adalah syarikat yang sama bagi perolehan tender di Fasa 1 dan Fasa 2.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17.**

**JADUAL 17**

**PEROLEHAN SECARA PECAH KECIL BAGI PEROLEHAN KERJA TANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT**

| BIL.                                                                                       | KONTRAK             | PEROLEHAN      | TARIKH SEBUT HARGA DIBUKA | KONTRAKTOR DILANTIK | BUTIRAN KONTRAK                                                                                                                                                     | NILAI KONTRAK (RM Juta) |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|----------------|---------------------------|---------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| <b>FASA 1 - TANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT DI LADANG TUALANG TUMBUH SELUAS ±254.7 HEKTAR</b>  |                     |                |                           |                     |                                                                                                                                                                     |                         |
| 1.                                                                                         | PAMS.LTT.08/2022    | Sebut Harga    | 9.03.2022                 | JM0878085-U         | Kerja-Kerja Tambahan Tanaman Semula Fasa 1 Di Ladang Tualang Tumbuh, Mukim Pulau Tiga Daerah Perak Tengah Seluas ±254.70 Hektar                                     | 0.54                    |
| 2.                                                                                         | PAMS.LTT.105/2022   | Sebut Harga    | 25.07.2022                | JM0878085-U         | Levelling Dan Chambering Di Kawasan Tanaman Semula Fasa 1 Section B Di Ladang Tualang Tumbuh ±122.97 Hektar                                                         | 0.41                    |
| 3.                                                                                         | PAMS.LTT.106/2022   | Sebut Harga    | 22.07.2022                | 002195513-A         | Levelling Dan Chambering Di Kawasan Tanaman Semula Fasa 1 Section A Di Ladang Tualang Tumbuh ±131.73 Hektar                                                         | 0.42                    |
| 4.                                                                                         | PAMS.LTT.107/2022   | Sebut Harga    | 26.07.2022                | JM0878085-U         | Sewa Excavator Dan Lori 3MT Di Kawasan Tanaman Semula Fasa 1 Di Ladang Tualang Tumbuh ±254.70 Hektar                                                                | 0.08                    |
| 5.                                                                                         | PAMS.SH.IP.133/2022 | Sebut Harga    | 7.10.2022                 | JM0878085-U         | Membina Lorong Tuai Dan Sulam Pokok Di Kawasan Tanaman Semula Kelapa Sawit Fasa 1 Di Ladang Tualang Tumbuh ±254.70 Hektar                                           | 0.11                    |
| <b>JUMLAH</b>                                                                              |                     |                |                           |                     |                                                                                                                                                                     | <b>1.56</b>             |
| <b>FASA 2 - TANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT DI LADANG TUALANG TUMBUH SELUAS ±228.50 HEKTAR</b> |                     |                |                           |                     |                                                                                                                                                                     |                         |
| 1.                                                                                         | PAMS.LTT.01/2022    | Lantikan Terus | 28.01.2022                | 002195513-A         | Membina Parit Dan Meratakan Tanah Lebih, Mencuci Dan Mendalamkan Parit Di Ladang Tualang Tumbuh, Mukim Pulau Tiga Daerah Perak Tengah Fasa II Seluas ±228.50 Hektar | 0.28                    |
| 2.                                                                                         | PAMS.LTT.20/2022    | Sebut Harga    | 18.04.2022                | 002195513-A         | Membina Lorong Tuai Di Kawasan Tanaman Semula Fasa 2 Di Ladang Tualang Tumbuh, Mukim Pulau Tiga Daerah Perak Tengah Seluas ±228.50 Hektar                           | 0.49                    |
| 3.                                                                                         | PAMS.SH.IP.129/2022 | Sebut Harga    | 7.10.2022                 | 002195513-A         | Kerja-Kerja Tambahan Tanaman Semula Kelapa Sawit Fasa 2 Di Ladang Tualang Tumbuh Seluas ±228.50 Hektar                                                              | 0.09                    |
| <b>JUMLAH</b>                                                                              |                     |                |                           |                     |                                                                                                                                                                     | <b>0.86</b>             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>                                                                  |                     |                |                           |                     |                                                                                                                                                                     | <b>2.42</b>             |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)



- v. Pihak Audit dimaklumkan kerja-kerja tersebut dibuat secara berasingan daripada perolehan tender Fasa 1 dan Fasa 2 supaya kerja dapat dibuat lebih terperinci setelah kerja penebangan pokok siap dilakukan. Pindaan had nilai dan kuasa kelulusan oleh Pihak Berkuasa Melulus dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP Bil.39 Tahun 2021 pada 19 Ogos 2021 juga telah membenarkan KPO sahaja meluluskan sebut harga sehingga RM500,000. Bagaimanapun, pindaan tersebut tidak membatalkan Para 7.13(b), SOP yang ditetapkan.
- vi. Perolehan yang dipecah kecil akan menyebabkan PPPNP berisiko tidak mendapat harga yang kompetitif daripada perolehan yang dilakukan. Risiko berlakunya perolehan yang tidak telus dan tidak adil sekiranya keputusan perolehan tidak dibuat oleh jawatankuasa secara bermesyuarat.

### **Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023 dan 25 September 2023**

Mesyuarat Lembaga Pengarah PPPNP Bil.39 Tahun 2021 pada 19 Ogos 2021 - semua perkara berkaitan dengan kewujudan jawatankuasa seperti para 7.13 SOP Pengurusan dan Perolehan Kontrak PPPNP (Semakan 4) bertarikh 1 Oktober 2018 turut berubah yang mana hanya Jawatankuasa Pembuka Peti Tender, Jawatankuasa Tender dan Lembaga Tender sahaja dikekalkan.

Pelbagai masalah timbul di tapak kawasan kerja apabila kerja menebang dijalankan dan disebabkan oleh kondisi tapak kerja, jenis tanah, paras air dalam tanah (water table) dan sebagainya. Kerja tersebut ditawarkan kepada pembekal yang sama bagi melancarkan kerja tambahan memandangkan PPPNP melihat aspek seperti ketersediaan jentera di lokasi yang sama dan pengalaman kontraktor yang telah mengendalikan kerja semasa Fasa 1 dan Fasa 2. Kerja ini perlu disegerakan bagi menyelaraskan program tanaman semula secara keseluruhannya.

**Pendapat Audit** | **Walaupun kerja tambahan perlu dilaksanakan segera, namun ia perlu dirancang dengan teliti supaya perolehan tidak dipecahkecil banyak kali bagi mengelakkan proses tender dilaksanakan. Selain itu, perolehan sebut harga tanpa melibatkan jawatankuasa membuka ruang kepada perolehan yang tidak telus.**

## b. Kerja Tanaman Semula Lewat Disiapkan

- i. Mengikut para 7.12(f), SOP Pengurusan dan Perolehan Kontrak PPPNP (Semakan 4) bertarikh 1 Oktober 2018 menetapkan perjanjian perlu mengambil kira klausa penting antaranya tempoh kontrak, *Liquidated Ascertained Damages* (LAD), perlanjutan/perubahan kontrak, syarat perubahan harga dan senarai jadual.
- ii. Semakan Audit terhadap **surat tawaran/perjanjian bagi lapan sebut harga mendapati tidak mengandungi klausa tuntutan kerugian** melalui kenaikan LAD/denda/tolakan bagi sebarang kelewatan kerja oleh kontraktor. Pihak Audit mendapati enam daripada lapan sebut harga kerja tersebut masih belum siap mengikut tarikh siap asal sepatutnya.
- iii. Berdasarkan laporan kemajuan kerja sehingga bulan Disember 2022, sebanyak sembilan (40.9%) skop kerja telah siap, 12 (54.5%) skop kerja sedang dilaksanakan dan satu (4.6%) skop kerja masih belum mula. Bagaimanapun, tiada justifikasi kelewatan dinyatakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**KERJA TANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT LEWAT DISIAPKAN**

| BIL.                                                                                | NO. KONTRAK          | JENIS KERJA                               | TARIKH     |            | BILANGAN KERJA |                  |            |        | STATUS  |
|-------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-------------------------------------------|------------|------------|----------------|------------------|------------|--------|---------|
|                                                                                     |                      |                                           | MULA       | SIAP ASAL  | SIAP           | SEDANG DILAKSANA | BELUM MULA | JUMLAH |         |
| FASA 1 - TANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT DI LADANG TUALANG TUMBUH SELUAS ±254.7 HEKTAR  |                      |                                           |            |            |                |                  |            |        |         |
| 1.                                                                                  | PAMS.LTT.1 05/2022   | Membina Lorong Tuai                       | 03.08.2022 | 31.10.2022 | TB             | 2                | TB         | 2      | Lewat   |
| 2.                                                                                  | PAMS.LTT.1 06/2022   | Membina Lorong Tuai                       | 05.08.2022 | 31.10.2022 | TB             | 2                | TB         | 2      | Lewat   |
| 3.                                                                                  | PAMS.LTT.1 07/2022   | Sewa Jentera                              | 03.08.2022 | 31.10.2022 | TB             | 2                | TB         | 2      | Lewat   |
| 4.                                                                                  | PAMS.SH.IP. 133/2022 | Sewa Jentera                              | 17.10.2022 | 30.11.2022 | 2              | TB               | TB         | 2      | Lewat   |
|                                                                                     |                      | Sulam Pokok                               |            |            | TB             | TB               | 1          | 1      |         |
| 5.                                                                                  | PAMS.LTT.0 8/2022    | Membina Parit Dan Meratakan Tanah Lebihan | 01.04.2022 | 01.07.2022 | TB             | 2                | TB         | 2      | Lewat   |
|                                                                                     |                      | Mencuci Dan Mendalamkan Parit             |            |            | TB             | 2                | TB         | 2      |         |
| JUMLAH                                                                              |                      |                                           |            |            | 2              | 10               | 1          | 13     |         |
| FASA 2 - TANAMAN SEMULA KELAPA SAWIT DI LADANG TUALANG TUMBUH SELUAS ±228.50 HEKTAR |                      |                                           |            |            |                |                  |            |        |         |
| 6.                                                                                  | PAMS.LTT.0 1/2022    | Membina Parit Dan Meratakan Tanah Lebihan | 15.02.2022 | 15.05.2022 | 2              | TB               | TB         | 2      | Selesai |
|                                                                                     |                      | Mencuci Dan Mendalamkan Parit             |            |            | 2              | TB               | TB         | 2      |         |
| 7.                                                                                  | PAMS.LTT.2 0/2022    | Membina Lorong Tuai                       | 02.05.2022 | 02.06.2022 | 2              | TB               | TB         | 2      | Selesai |

| BIL.               | NO. KONTRAK          | JENIS KERJA         | TARIKH     |            | BILANGAN KERJA |                  |            |        | STATUS |
|--------------------|----------------------|---------------------|------------|------------|----------------|------------------|------------|--------|--------|
|                    |                      |                     | MULA       | SIAP ASAL  | SIAP           | SEDANG DILAKSANA | BELUM MULA | JUMLAH |        |
| 8.                 | PAMS.SH.IP. 129/2022 | Membina Lorong Tuai | 17.10.2022 | 30.11.2022 | 1              | 1                | TB         | 2      | Lewat  |
|                    |                      | Sulam Pokok         |            |            | TB             | 1                | TB         | 1      |        |
| JUMLAH             |                      |                     |            |            | 7              | 2                | TB         | 9      |        |
| JUMLAH KESELURUHAN |                      |                     |            |            | 9              | 12               | 1          | 22     |        |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP)

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- iv. Kelemahan penyediaan perjanjian menyebabkan PPPNP tidak boleh mengambil tindakan terhadap kontraktor bagi kelewatan kerja. Kesannya, tempoh pemajuan tanah akan mengambil tempoh yang lama untuk disiapkan dan melewatkan penuaian hasil ladang.

### Maklum Balas PPPNP pada 20 April 2023

Pihak PPPNP mengambil maklum akan perkara ini, semakan dan penilaian klausa tawaran kontrak akan diambil tindakan. Kerja lewat disiapkan kerana kawasan ladang dilanda banjir pada bulan Oktober hingga Disember 2022. Oleh itu, kerja-kerja yang melibatkan penggunaan jentera tidak dapat dilaksanakan.

**Pendapat Audit** | **Kelemahan surat tawaran/perjanjian mendedahkan risiko kerugian serta tidak menjamin kepentingan Kerajaan.**

## 6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Berdasarkan skop pengauditan, pengurusan projek LR didapati teratur dan telah mencapai objektif ditetapkan iaitu membantu meringankan beban kewangan golongan miskin/miskin tegar. Namun begitu, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan projek LUR yang menyebabkan objektif Projek Ladang Sosial secara keseluruhannya masih belum dapat dicapai. Bagi pengurusan projek LUR, keuntungan milik peserta/Koperasi sejumlah RM16 juta masih belum diagihkan sepenuhnya. Hal ini telah menjejaskan keberkesanan projek LUR. Selain itu, wujudnya kelonggaran syarat dalam aspek pemilihan peserta, kelemahan kutipan bayaran balik dan penguatkuasaan klausa perjanjian telah menjejaskan kecekapan pengurusan projek LUR.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang dalam projek yang akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan pihak terlibat mengambil tindakan dan penambahbaikan seperti berikut:

7.1. PPPNP perlu menyediakan garis panduan projek Ladang Sosial yang jelas dan terperinci terutamanya bagi projek LUR antaranya syarat-syarat penyertaan, kaedah bayaran penyertaan, ketetapan kuota lot bagi peserta, kaedah penamatan perjanjian dan justifikasi pemilihan peserta/Koperasi bagi memastikan kecekapan dalam pelaksanaan projek;

7.2. PPPNP hendaklah mengambil tindakan segera mengenai penguatkuasaan kutipan bayaran balik tunggakan, caj kelewatan dan pendahuluan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi; dan

7.3. PPPNP perlu memastikan pematuhan terhadap klausa Enakmen dan peraturan yang berkuat kuasa.